



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I Bil. 1 Hari Isnin 17hb Disember, 1990

KANDUNGAN

MEMILIH DAN YANG DI-PERTUA:

T.B. Dato' Chan Choong Tak (Ruangan 1)

UCAPAN TERIMA KASIH YANG DI-PERTUA (Ruangan 2)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengangkat Sumpah di Luar Dewan (Ruangan 2)

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru (Ruangan 4)

Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-
Pertuan Agong Sultan Azlan Shah (Ruangan 4)

Memperkenankan Akta-akta (Ruangan 5)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 6)

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen (Ruangan 36)

Ucapan Takziah kepada Y.A. Bhg. Tun Sharifah Rodziah
binti Syed Alwi dan Keluarga atas Kembalinya ke
Rahmatullah Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj,
Perdana Menteri Pertama (Ruangan 37)

**Ucapan Terima Kasih kepada bekas Yang di-Pertua Dewan
Negara, Y.B. Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin
Datu Hakim Abang Haji Mohideen (Ruangan 52)**

Jawatankuasa Pemilih - Lantikan Ahli-ahli (Ruangan 61)

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah - Y.B. Tuan
Hassan bin Harun (Ruangan 62)**

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 17hb Disember, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA

Setiausaha: Memilih Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Mengikut Perkara 56 Perlembagaan Persekutuan, Ysng Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tuan Abdul Ghafar bin Baba akan mencadangkan,

Timbalan Perdana Menteri [Tuan Abdul Ghafar bin Baba]: Saya mohon mencadangkan bahawa Yang Berhormat Senator Dato' Chan Choong Tak dipilih menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Haji Annuar bin Musa]: Tuan Setiausaha, saya mohon menyokong.

Setiausaha: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana hanya seorang ahli sahaja yang dicadangkan dan disokong menjadi Tuan Yang di-Pertua, maka menurut Peraturan Mesyuarat 2(3), saya memasyhurkan dengan rasminya bahawa Yang Berhormat Dato' Chan Choong Tak dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara. **[Tepuk]**

[Dengan pemasyhuran Setiausaha itu, Yang Berhormat Dato' Chan Choong Tak diiringi ke Kerusi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan]

UCAPAN TERIMA KASIH YANG DI-PERTUA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berasa sangat sukacita kerana dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara yang kesembilan. Ini adalah satu-satunya pengurniaan yang tinggi kepada diri saya. Di atas kepercayaan Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Encik Abdul Ghafar bin Baba, Timbalan Perdana Menteri yang memilih saya sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara, saya dan keluarga saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingganya.

Sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara yang baru, saya sesungguhnya berjanji akan menjalankan tugas yang tinggi ini dengan penuh amanah, toleransi dan sikap terbuka supaya ahli-ahli Dewan Negara akan dapat menyuarakan pandangan-pandangan mereka yang bernas untuk kebaikan negara Malaysia yang kita cintai semua. Semasa menjalankan tugas sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara, saya akan mematuhi Peraturan—peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara dan rulings atau fatwa-fatwa yang telah dibuat oleh bekas-bekas Yang di-Pertua yang lampau.

Akhirnya, saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih di atas tunjuk ajar bekas Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datuk Hakim Abang Haji Mohiden semasa saya menjawat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Dewan iaitu Yang Berhormat Ahli-ahli yang berikut telah mengangkat Sumpah di hadapan saya mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan:-

Pada 15hb November, 1990:

1. Y.B. Tuan Haji Annuar bin Musa (Dilantik);
2. Y.B. Dato' Azumu bin Tak (Perak);

Pada 28hb November, 1990:

1. Y.B. Tuan Douglas Sullang Anak Ganda (Sarawak);
2. Y.B. Tuan Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad (Sarawak);
3. Tuan Itam Wali bin Nawan (Dilantik); dan
4. Y.B. Tuan Isli bin Haji Siput (Dilantik)

Pada 3hb Disember, 1990:

Y.B. Tuan Adam @ Mohamad bin Kadir (Dilantik).

MENGALU-ALUKAH AHLI-AHLIBARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengangkat Sumpah pada tarikh-tarikh yang dinyatakan tadi, Saya berharap semoga Ahli-Ahli Yang Berhormat yang baru dilantik, dilantik semula atau dipilih semula itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**TITAH UCAPAN D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi semalam 4hb Disember, 1990, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan ita dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi Parlimen.

[TEKS TITAH UCAPAN D. Y.M.M. DIEDARKAN]

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan dalam Parlimen Ketujuh yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) 1990;
2. Akta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Pindaan) 1990;
3. Akta Ubat (Iklan dan Jualan) (Pindaan) 1990;
4. Akta Hakcipta (Pindaan) 1990;
5. Akta Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 1990;
6. Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 1990;
7. Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1990;
8. Akta Eksais (Pindaan) 1990;
9. Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 1990;
10. Akta Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1990;
11. Akta Kastam (Pindaan) 1990;
12. Akta Bekalan Elektrik 1990;
13. Akta Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990;
14. Akta Syarikat Luar Pesisir 1990;
15. Akta Syarikat Ananah Labuan 1990;
16. Akta Bank Luar Pesisir 1990;
17. Akta Insurans Luar Pesisir 1990;

18. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan, 1990
19. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1990;
20. Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan)(Pindaan) 1990;
21. Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990; dan
22. Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

CUKAI PENDAPATAN

1. Puan Hajjah Habidah binti Jasoh minta Menteri Kewangan menyatakan kenapakah Kerajaan tidak menghapuskan cukai pendapatan kepada orang-orang yang telah pencen atau bersara sebelum umur 55 tahun bagi menggalakkan mereka mencebur diri dalam perniagaan.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Abdul Ghani bin Othman]: Tuan Yang di-Pertua, secara amnya, umur wajib bersara bagi seseorang pekerja ialah 55 tahun. Pengecualian cukai yang diberi atas pencen adalah berasaskan kepada umur wajib bersara dan pengecualian ini diberi untuk meringankan beban kewangan bagi mereka yang telah bersara selepas mencapai umur 55 tahun. Kemudahan ini telah tidak dipanjangkan kepada mereka yang bersara sebelum mencapai unur 55 tahun kerana pada lazim, mereka bersara awal kerana telah mendapat peluang pekerjaan yang lain di mana pencen yang diterima merupakan pendapatan tambahan.

MASALAH KEKURANGAN JURURAWAT

2. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Kesihatan menyatakan:
- (a) mengapakah timbulnya masalah kekurangan jururawat di negara ini, sedangkan latihan dan jumlah pelajar lulusan sekolah ramai yang masih menganggur;
 - (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah-kekurangan jururawat; dan
 - (c) apakah dasar yang dirangka oleh Kementerian untuk menjadikan Institut Penyelidikan Perubatan kepada Sekolah Perubatan. itu wajar dan mengapakah pula tenaga pengajarnya diambil daripada India sahaja dan tidak dari negara-negara lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Ong Ka Ting]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan:

- (a) Masalah kekurangan jururawat timbul pada masa ini kerana sebilangan jururawat-jururawat telah meletakkan jawatan dan bersara pilihan sendiri untuk bekerja di hospital dan klinik swasta. Juga, pengambilan pelatih-pelatih jururawat ke dalam sekolah-sekolah latihan Kementerian telah berkurangan sejak tiga empat tahun yang lalu semasa negara mengalami kemerosotan ekonomi.
- (b) Langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan jururawat ialah :
 - (i) menambahkan pengambilan pelatih-pelatih jururawat di sekolah-sekolah latihan Kementerian dan juga mencadangkan pembinaan sekolah-sekolah latihan jururawat yang baru di bawah Rancangan Malaysia Keenam;

- (ii) Kementerian Kesihatan sedang mempertimbangkan pengambilan semula jururawat yang telah meletakkan jawatan dan bersara dan juga pengambilan jururawat asing secara kontrak sebagai satu langkah sementara untuk menghadapi kekurangan ini.
 - (iii) Kerajaan juga menyokong usaha hospital-hospital swasta untuk mengadakan kursus-kursus latihan untuk menampung keperluan mereka .
 - (iv) Sebagai langkah sementara, Kerajaan juga memersetujui permohonan hospital swasta untuk mengambil jururawat dari luar negeri .
- (c) Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan adalah untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan dapat dikendalikan dengan baik dan berkesan dan semua lapisan masyarakat dapat menikmati kemudahan perubatan dan kesihatan yang disediakan untuk tujuan tersebut Kementerian Kesihatan bercadang mencapai nisbah seorang doktor bagi setiap 1,500 penduduk menjelang tahun 2,000. Maka lebih ramai doktor diperlukan dan lebih banyak tempat latihan perubatan perlu diwujudkan.
- Kerajaan telah berusaha untuk menambahkan lagi tempat latihan di institusi-institusi tempatan dan sedang menimbang dan mengkaji kemungkinan menubuhkan sebuah kolej perubatan di Institut Penyelidikan Perubatan. Di Institut Penyelidikan Perubatan telah dikenalpasti kerana Institut tersebut mempunyai kemudahan-kemudahan asas infrastruktur dan juga sumber-sumber tenaga manusia perubatan yang terlatih dan berpengalaman .

Dengan kemudahan-kemudahan ini sebuah kolej perubatan dapat ditubuhkan dalam masa yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, pihak negeri India adalah negara yang pertama telah tnenawarkan khidmat tenaga pengajar perubatan ke Malaysia sebagai tambahan kepada tenaga pengajar yang ada di Institut Penyelidikan Perubatan. Tenaga pengajar dari dalam atau luar negeri akan diambil berkhidmat di kolej tersebut jika diperlukan. Dalam lain-lain perkataan, Kementerian Kesihatan mempunyai fikiran terbuka mengenai perkara ini.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen daripada Kementerian Kesihatan, tidakkah Kementerian Kesihatan mengambil langkah untuk meningkatkan pendapatan ataupun menambahkan elaun kepada jururawat-jururawat supaya mengatasi kekurangan kakitangan ataupun jururawat di hospital dan juga dapat mencegah mereka meletakkan jawatan daripada perkhidmatan Kerajaan. Dan oleh kerana daya difahamkan bahawa selama ini jururawat-jururawac yang berkhidmat di hospital yang menjalankan tugas berwaktu malam hanya mendapat sebiji telur ataupun satu paket 'Maggie' mee sebagai gantian memberi elaun untuk bekerja waktu malam. Tidakkah Kementerian akan menimbang menambahkan elaun supaya menggalakkan lebih ramai jururawat-jururawat terus berkhidmat di hospital Kerajaan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang keadaan di mana jururawat masuk ke dalam bidang swasta kerana gaji, elaun dan sebagainya. Kementerian Kesihatan telahpun mengadakan satu Jawatankuasa Petugas Khas antuk mengkaji dari segi elaun dan gaji. Adalah tidak benar kalau kita hendak membandingkan sebiji telur dan pisang itu sebagai satu contoh di mana jururawat itu dibayar dengan gaji yang rendah. Sebenarnya, telur dan pisang itu adalah satu perkara yang sudah lama sebelum gaji jururawat itu ditingkatkan. Sehingga ini, gaji jururawat itu ditingkatkan maka telur dan pisang itu bukanlah lagi jadi satu isu.

Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada Kementerian Kesihatan telah memberi perhatian kepada tanggagaji, elaun dan sebagainya, pihak Kementerian juga sentiasa memberikan peluang kepada jururawat-jururawat supaya mereka dapat mengikuti sesuatu kursus di mana kursus itu akan dapat menolong mereka untuk memper-tingkatkan kerjayanya dari segi peluang untuk naik pangkat dan sebagainya. Terima kasih.

Puan Hajah Habidah binti Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat yang berkenaan. Adakah jawatan jururawat ini dikhaskan kepada kaum wanita sahaja? Kenapa ia tidak diperluaskan kepada kaum lelaki untuk mereka merawat ~~kaum~~ ~~aman~~ Kementerian Kesihatan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini jururawat adalah semua dikatakan kaum wanita atas sebab keadaan kerja di mana adalah tidak sesuai jika sekiranya kita mengadakan jururawat untuk memberi perkhidmatan kepada kaum lelaki. Walau bagaimanapun, cadangan daripada Ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian oleh Kementerian.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan yang nampaknya memberikan 'response' yang baik mengenai masalah yang telah dikemukakan beribu-ribu kali bukan sahaja di dalam Dewan Rakyat tetapi juga di dalam Dewan Negara.

Pertanyaan tambahan saya ialah sehingga ini berapa ramaiakah tenaga pengajar yang ada di dalam negara kita untuk Institusi Perkhidmatan Perubatan ini? Dari manakah mereka ini datang?

Yang kedua, soalan tambahannya. Sehingga iai berapa banyakkah prestasi yang telah diberikan kepada layanan permintaan, terutama perkara-perkara kebajikan kakitangan hospital daripada doktor, specialist hingga sampai jururawatnya? Saya percaya Yang Berhormat akan menjawab minta notis tetapi saya majukan juga soalan tambahan itu.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang betul maklumat-maklumat itu - saya akan minta notis. **[Ketawa]**

Tuan Azman Atar bin Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin membuat soalan tambahan yang mana jawapan Yang Berhormat tadi saya tidak beberapa 'clear.' Rupa-rupanya baru hari ini saya tahu elaun pisang dan telur diberikan kepada jururawat yang bertugas di hospital pada waktu malam. Adakah Kementerian Kesihatan mencadangkan supaya menukar daripada telur dan pisang kepada jenis-jenis yang lebih mendatangkan vitamin kepada jururawat-jururawat ini.

Yang kedua, soalan sahabat saya. Yang Berhormat Puan Hajah Habidah binti Yusof mengatakan kenapa tidak merekrutkan lagi jururawat-jururawat. Dan saya berpendapat oleh kerana keadaan negara kita begitu ramai rakyatnya yang tidak mempunyai kerja dan jururawat ini tidak semestinya kita bagi kepada kaum wanita sahaja. Bagaimana kalau saya mencadangkan ada di kalangan jenis manusia yang saya rasa bersifat lemah-lembut macam pontan **[Ketawa]** kalau diberi peluang untuk bertugas sebagai jururawat? Adakah Kementerian bercadang mengambil pondan-pondan menjadi jururawat? **[Ketawa]**

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya telah terangkan tadi soal telur dan pisang itu adalah satu perkara yang dahulu sebagai kata satu makanan yang pada masa mereka yang bertugas pada larut ~~malam~~. Jadi, sampai hari ini memandangkan gaji jururawat telahpun ditingkatkan sejak masa itu maka telur dan pisang itu tidak boleh dianggap sebagai gaji atau elaun. Walau bagaimanapun, perkara ini telah diberi perhatian oleh Kementerian baru-baru ini, maka satu kajian sedang diambil ataupun keputusan yang sesuai akan dibuat.

Untuk soalan kedua yang mengatakan sama ada Kementerian akan timbang untuk memperluaskan perkhidmatan jururawat itu kepada kaum lelaki, itu saya telah jawab tadi iaitu akan diberi perhatian. Dan satu lagi soalan Yang Berhormat tadi menyatakan ramai penganggur, mengapa tidak diambil lebih banyak jururawat. Seperti saya telah jawab tadi, tiap-tiap tahun memang dari segi kemampuan untuk mengadakan peluang latihan itu adalah terhad dari segi kelengkapan, pusat latihan dan sebagainya. Dan oleh sebab pada 3-4 tahun yang lalu kemerosotan ekonomi pada masa itu, pengambilan telah dikurangkan tetapi aekarang langkah-langkah telah diambil untuk menambah pengambilan. Saya rasa dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan itu, kekurangan jururawat itu, saya yakinlah akan diatasi pada masa akan datang. Terima kasih.

BAHASA MALAYSIA DI MAHKAMAH - PENGGUNAAN

3. **Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Kehakiman menyatakan berapa peratuskah kes-kes dapat dikendalikan dalam Bahasa Malaysia dalam satu-satu tahun. Kenapakah terdapat kes-kes yang bertahun-tahun lamanya tidak selesai? Berapakah had masa maksima yang diberi kepada satu-satu kes?

Menteri Kehakiman [Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:

Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Malaysia hanya diwajibkan digunakan secara rasmi di mahkamah mulai 1hb Jun, 1990 dengan adanya pindaan kepada Seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 63/67. Adalah terlalu awal untuk membuat penilaian tentang kejayaannya pada masa ini dari segi peratus pelaksanaan bagi satu tahun. Walau bagaimanapun, semua mahkamah rendah iaitu Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret dan kebanyakan Mahkamah Tinggi telah menjalankan prosiding-prosidingnya dalam Bahasa Malaysia beberapa tahun kebelakangan sebelum 1hb Jun, 1990. Namun begitu, pada masa ini pelaksanaan Bahasa Malaysia dalam perbicaraan di Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret telah mencapai tahap 100%. Bagi Mahkamah Agung dan Mahkamah Tinggi pelaksanaan Bahasa Malaysia telah mencapai tahap lebih daripada 70%.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan berikutnya, saya tidak menafikan bahawa memang ada terdapat beberapa kes yang bertahun lamanya tidak selesai. Tetapi perkara ini bergantung kepada berbagai faktor sama ada kes itu kes jenayah ataupun kes sivil

Di antara faktor-faktor dalam kes jenayah ialah kes ini tertangguh atau lewat masanya untuk diselesaikan kerana pihak peguambela memohon penangguhan ataupun pihak pendakwa tidak mendapat saksi ataupun bila ada laporan khusus, laporan kimia tidak dapat disediakan pada masa yang ditetapkan ataupun pihak yang kena tuduh walaupun diikat jamin tidak hadir diri. Itu di antara sebab dalam kes jenayah. Di dalam kes-kes sivil pula, Tuan Yang di-Pertua, pihak plaintiff dan defendant sendiri kadang-kadang memohon untuk kes itu ditangguhkan atau dilanjutkan masanya ataupun dokumen-dokumen yang difailkan oleh peguam terlibat tidak lengkap. Jadi, di dalam faktor-faktor yang begini rupa, Tuan Yang di-Pertua, menyebabkan kes mengambil masa untuk diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan bahagian yang terakhir dari soalan itu, seterusnya had masa maksima tidak boleh diberikan untuk kes dibicara dan diselesaikan kerana penyelesaian sesuatu kes itu bergantung berapa sulit atau complex atau tidak kes tersebut.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membuat soalan tambahan kepada Yang Berhormat, bagaimana jika terjadi sipesalah itu meninggal dunia sebelum kesnya dibicarakan oleh kerana beberapa tahun tidak dibicarakan maka ia meninggal dunia dalam penjara itu dan kesnya tidak sempat dibicarakan. Terima kasih.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu melibatkan kes jenayah, jadi kalau pihak yang dituduh meninggal dunia, maka kes itu tidak dapat dicetuskan.

Tuan Azman Atar bin Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga membuat soalan tambahan kepada Yang

Berhormat. Oleh kerana kita telah mewajibkan Bahasa Malaysia digunakan di mahkamah dan saya dapat tahu bahawa ada di antara peguam yang tidak begitu mahir bercakap dalam Bahasa Malaysia. Saya ingin tahu bagaimanakah sambutan peguam-peguam terhadap penggunaan Bahasa Malaysia di dalam mahkamah dan adakah di antara peguam yang sengaja tidak mahu menggunakan Bahasa Malaysia oleh kerana kadangkala terbawa-bawa sikap ideologi kefahaman politik yang menentang Kerajaan yang mewujudkan Rang Undang-undang ini. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir mengenai menentang secara khusus penggunaan Bahasa Malaysia dalam penggunaan di mahkamah tidak ada tetapi oleh kerana latarbelakang dan pendidikan mereka berlainan, ada kesulitan tetapi bagi pihak mahkamah meminta mana-mana pihak yang hendak menggunakan bahasa selain daripada Bahasa Malaysia mestilah memohon dan jika ianya tidak melibatkan keadilan terjejas maka pihak mahkamah akan membolehkan penggunaan bahasa Inggeris dan ia juga boleh digunakan bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bersama jika itu akan menentukan keadilan tercapai.

PASURAN LATIHAN ASKAR WATANIAH - GALAKAN KEPADA BELIAWANIS

4. **Dato' Azumu bin Tak** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperluaskan Pasukan Latihan Askar Wataniah (PLAW) dengan mengambil lebih ramai lagi belia-beliawanis untuk mengikuti latihan askar. Jika hendak diperluaskan, apakah rancangan Kerajaan untuk menggalakkan belia-beliawanis menyertai latihan tersebut terutama dari segi cuti bagi kakitangan Kerajaan dan/atau swasta dan jumlah elaun mereka.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang bercadang untuk mengambil lebih ramai lagi belia-beliawanis untuk memasuki Pasukan Sukarela Angkatan Tentera. Latihan mereka bukan sahaja diadakan di

Pusat Latihan Askar Wataniah tetapi juga di pasukan-pasukan Askar Wataniah seperti unit-unit siri 500AW. Pusat Latihan Askar Wataniah akan bertanggungjawab melatih anggota-anggota Askar Wataniah di dalam meningkatkan keupayaan mereka untuk mendukung peranan dan tugas yang ditetapkan, Kerajaan memang berhasrat untuk membesarkan Pusat Latihan ini dan perancangan pembesarannya masih di tahap perbincangan di peringkat Kementerian.

Dewasa ini, Kerajaan sedang mengkaji pemberian elaun yang lebih sesuai kerana kadarnya terlalu rendah di samping mengkaji cara Jabatan-jabatan Kerajaan dan swasta memberi cuti kepada mereka yang telah masuk untuk menghadiri latihan tahunan satu kali setahun. Sebenarnya dasar ini sudah pun ada yang mana surat pekeliling telah dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara bahawa kakitangan-kakitangan Kerajaan yang menyertai Pasukan Sukarela tertentu seperti Regimen Askar Wataniah Malaysia perlu diberi perlepasan cuti untuk membolehkan mereka mengikuti Latihan dan kursus.

KAD KREDIT DAN CAJ - KAWALAN

5. **Tuan P. Balaram** minta Menteri Kewangan menyatakan:
- (a) berapa jeniskah kad-kad kredit atau kad-kad caj diluluskan oleh Kerajaan sehingga sekarang;
 - (b) adakah kelulusan kad-kad ini menambahkan ekonomi negara ini; dan
 - (c) apakah cara-cara yang diamalkan oleh Kementerian untuk mengawal pengguna-pengguna kad supaya kelulusan kad-kad ini tidak membawa kesan-kesan buruk kepada ekonomi negara kita.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan (a), sehingga ini 3 kad kredit iaitu Visa International, Mastercard International dan

ExeCard Card dan 4 kad caj iaitu American Express, Diners Club, Cart Blanc dan Cheqpoint telah dibenarkan beroperasi di Malaysia.

- (b) Penggunaan kad-kad tersebut yang agak meluas pada masa sekarang secara tidak langsung dapat membantu memperkembangkan industri tempatan, melalui pertambahan di dalam permintaan ke atas barang-barang dan perkhidmatan secara amnya.
- (c) Sehingga ini, tiada garis panduan atau langkah-langkah pengawasan yang khusus digunakan ke atas pengguna-pengguna kad kredit. Pengguna-pengguna kad kredit hanya dikehendaki untuk mematuhi semua terma-terma dan syarat-syarat yang telah ditentukan oleh syarikat yang mengendalikan kad kredit atau kad caj itu sendiri.

Walau bagaimanapun, sukacita dimaklumkan bahawa di bawah Seksyen 19(1) Akta Bank dan institusi-institusi Kewangan 1989, perniagaan tanda kredit **ini**, dengan izin, credit token business dikehendaki mendapatkan perakuan bertulis daripada Bank Negara sebelum meneruskan operasi masing-masing. Sehingga ini semua syarikat yang menjalankan tanda kredit ini telah mematuhi peruntukan seksyen tersebut. Selain dari itu, di bawah Seksyen 24, Akta Bank Negara dan Institusi-institusi Kewangan 1989, Menteri Kewangan diberi kuasa untuk mengawalselia perniagaan tanda kredit sekiranya perlu bagi menjamin kestabilan kewangan dan kekukuhan struktur kewangan atau untuk melindungi kepentingan awam.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.
Adakah Kerajaan mengenakan apa-apa cukai terhadap syarikat-syarikat kad kredit ini?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, melalui sistem cukai syarikat dan daripada cukai yang dikenakan kepada mereka yang mendapat keuntungan itu adalah sumber-sumber cukai yang dikenakan kepada mereka yang berniaga melalui perniagaan seperti ini.

PUSAT MENGESAN KANSER - PENUBUHAN

6. **Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk menubuh satu Pusat Mengesan Kanser di Kuantan atau di Pantai Timur Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak untuk menjalani pemeriksaan kanser kerana masa ini hanya terdapat satu pusat di Kuala Lumpur dan satu lagi di Pulau Pinang dan sekiranya ada, bilakah ia akan ditubuhkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan bagi mengesan kanser telah terdapat di semua hospital Kerajaan di seluruh negara termasuk di Kuantan iaitu dari Pantai Timur Semenanjung Sabah dan Sarawak. Kemudahaa-kemudahan yang disediakan adalah bergantung kepada kategori hospital-hospital berkenaan.

Dimaklumkan bahawa satu pusat di Kuala Lumpur iaitu Institut Radioteraphi, Onkologi dan Perubatan Nuklear Hospital Besar Kuala Lumpur pada khususnya memberi rawatan kepada pesakit-pesakit kanser yang diagnosanya telah ditentukan terlebih dahulu oleh pihak-pihak yang membuat rujukan. Pusat/insticut sepercini tidak terdapat di Pulau Pinang.

Puan Aion binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan kepada Yang Berhormat iaitu adakah kementerian sedar sehingga ini bahawa kita amat kekurangan sangat pakar-pakar, terutama dalam sektor pathologist. Maksud saya, sektor-sektor pathologist kita yang masih terlalu kurang untuk mengesan penyakit-penyakit kanser termasuk kanser-kanser di kalangan wanita atau penyakit-penyakit berkaitan dengan wanita, bahagian-bahagian organ wanita. Sekiranya sedar, apakah langkah-langkah yang sudah dan akan diambil untuk mengatasi kekurangan ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang sedar tentang kekurangan pakar bukan sahaja dalam bidang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tetapi juga pakar-pakar dalam semua bidang. Usaha-usaha telah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan termasuk mengambil pakar-pakar daripada luar negeri dan juga menambahkan pengambilan latihan di dalam negeri dan juga mengambil doktor-doktor ataupun pakar-pakar yang telah bersara yang masih dalam keadaan yang sihat.

PASPORT PALSU MALAYSIA 1990 - BILANGAN DIRAMPAS

7. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa banyak Pasport Palsu Malaysia yang dirampas sepanjang tahun 1990 **ini**. Apakah tindakan selanjutnya. Apakah langkah yang lebih ketat diambil oleh Kementerian beliau untuk mengawal pemalsuan pasport ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada pasport palsu Malaysia yang dirampas. Pasport Antarabangsa Malaysia yang dirampas adalah pasport-pasport yang dipinda ciri-cirinya dan jumlahnya ialah 241 naskhah.

Siasatan akan dibuat ke atas pemegang yang sebenarnya. Sekiranya terdapat apa-apa kesalahan, pihak Imigresen/Polis akan mendakwa mana-mana pihak yang terlibat termasuklah pemegang pasport palsu yang berkenaan.

Kementerian sentiasa berwaspada tentang kemungkinan berlaku pemalsuan pasport. Di samping itu pemegang pasport juga

dinasihatkan untuk menjaga sendiri keselamatan pasport-pasport mereka. Seterusnya, semua pegawai di tiap-tiap pintu masuk ke negara ini sentiasa diarah untuk memeriksa dan mengesan pasport-pasport yang ternampak diusik atau, dengan izin, tamper.

MUZIUM PASUKAH KESELAMATAN

8. Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan akan membangunkan suatu Muzium Pasukan Keselamatan bertapak di dalam kawasan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, sebagai mengenang kembali pengorbanan, khususnya dari pihak Angkatan Tentera dan Polis Di-Raja Malaysia terhadap negara. Tidakkah dengan wujudnya bangunan Muzium Pasukan Keselamatan ini, dapat kedua-dua pasukan ini megeratkan lagi silaturahmi di antara mereka yang masih berkhidmat, serta mendedahkan juga dengan bangganya kontribusi pahlawan-pahlawan kita terhadap keselamatan negara.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Angkatan Tentera Malaysia dengan bantuan dan kerjasama Kementerian Pertahanan telah mengambil inisiatif bagi mewujudkan sebuah Muzium Angkatan Tentera sejak tahun 1961 lagi. Tindakan tersebut diambil sesuai dengan usaha hendak menyelamatkan warisan sejarah dan kebudayaan tentera di samping menggunakan muzium berkenaan sebagai simbol penghargaan kepada anggota-anggota tentera yang telah mengorbankan jiwa raga mereka dalam mempertahankan kedaulatan tanahair.

Walaupun Muzium ini telah diwujudkan hampir 30 tahun tetapi ianya masih bertaraf sementara baik dari segi bangunan mahupun

keanggotaannya.

Keadaan Muzium Sementara Angkatan Tentera Malaysia adalah tidak memuaskan. Justeru itu langkah-langkah telah diambil untuk mendapatkan sebuah tapak tetap yang sempurna untuk didirikan sebuah Muzium Angkatan Tentera yang sempurna dan yang boleh dibanggakan. Keputusan sama ada projek ini akan dilaksanakan adalah dalam pertimbangan pihak Kerajaan. Syor Yang Berhormat supaya sebuah Muzium Pasukan Keselamatan diwujudkan adalah sangat baik dan munasabah. Kementerian Pertahanan akan mengemukakan untuk pertimbangan Kerajaan.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Diharapkan sangat kalau boleh Kerajaan mempercepatkan penubuhan itu oleh sebab yang pertama sekali sekarang ini nampaknya oleh kerana tidak ada operasi-operasi semakin surut populariti dan juga kenang-kenangan terhadap Pasukan Keselamatan termasuklah Polis dan juga Tentera,

Keduanya, dengan adanya muzium ini boleh juga kita menarik. pelancong-pelancong.

Dengan hormat, mungkin kalau dengan konsep kontribusi "dolar to dolar" dari Kerajaan dan juga pihak swasta dan rakyat jelata, mungkin perkara ini dapat dipercepatkan?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, akan ditimbangkan.

LAWATAN KE CHINA - PENGGANTUNGAN PASPORT

9. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a)jumlah warganegara Malaysia yang telah memasuki negeri China tanpa kebenaran, sebelum kelonggaran syarat yang telah berkuatkuasa baru—baru ini;

(b) sama ada pasport mereka telah digantung atau ditarik balik. Jika ya, berapakah jumlah pemegang pasport yang telah dikenakan tindakan tersebut; dan

(c) sama ada Kementerian Dalam Negeri bercadang untuk mengembalikan pasport mereka dan menarik balik penggantungan pasport mereka, memandangkan bahawa syarat-syarat untuk memasuki negeri China telah dilonggarkan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, jumlah warganegara Malaysia yang memasuki negeri China tanpa kebenaran sebelum kelonggaran syarat pada 25hb. Julai, 1990 ialah seramai 795 orang.

Bagi soalan (b), jumlah pemegang pasport Malaysia yang telah ditarik balik dan digantung kerana kesalahan memasuki negeri Cina tanpa kebenaran ialah sebanyak 795 orang juga.

Untuk jawapan soalan (c), mereka yang pergi ke negeri China tanpa mendapat kebenaran adalah jelas telah melanggar peraturan yang berkuatkuasa pada masa itu dan tindakan menarik balik pasport mereka adalah dibuat selaras dengan peraturan tersebut. Oleh yang demikian, sama ada pasport mereka akan dikembalikan adalah tergantung kepada hasil siasatan lanjut yang dibuat. Ianya tidak ada kaitan dengan kelonggaran syarat perjalanan ke negeri China yang baru dilaksanakan itu.

KRISIS TELUK - PERDIRIAN MALAYSIA

10. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sikap Kerajaan Malaysia dalam menghadapi

krisis Teluk dan ancaman perang dari Amerika dan sekutunya pada 15hb Januari 1991.

Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar]:
Tuan Yang di-Pertua, sejak krisis Teluk bermula, Kerajaan Malaysia telah mengambil pendirian yang cegas dan jelas bahawa krisis tersebut mestilah diselesaikan secara damai. Ini adalah selaras dengan dasar luar negeri kita yang menentang keras penggunaan senjata ke atas penyelesaian sesuatu masalah. Pendirian yang sama juga jelas seperti yang telah diambil berkaitan dengan masalah Kampuchea, Afghanistan dan tindakan Amerika Syarikat ke atas Granada dan Panama.

Pada 29hb November, 1990 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah meluluskan Resolusi 678 yang membenarkan tindakan ketenteraan ke atas Iraq. Malaysia sememangnya tidak meinginkan apa-apa tindakan kekerasan memaksa Iraq berundur dari Kuwait. Malangnya, Iraq tidak langsung menunjukkan apa-apa kesediaan untuk mematuhi resolusi yang mendesaknya berundur secara aman dan tanpa syarat. Oleh itu, Malaysia sependapat bahawa Iraq harus diperingatkan kembali akan tanggungjawabnya sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan kewajipannya di bawah undang-undang antarabangsa dan Iraq diberi kesempatan sehingga 15hb Januari, 1991 untuk mematuhi semua Resolusi yang telah diluluskan sebelum tindakan lanjut diambil.

Namun demikian, kita akan tetap berusaha untuk mengelakkan dari berlakunya peperangan di Teluk. Di samping itu kita menyeru kepada Iraq untuk berundur dari Kuwait dan mencari penyelesaian secara damai ke atas pencerobohan dengan yang dipebuatnya terhadap Kuwait.

Kesanggupan Amerika Syarikat dan Iraq untuk mengadakan dialog akan membuka jalan untuk mencari penyelesaian secara damai dan kita mengalu-alukan usaha berkenaan.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya meletus peperangan di Teluk, apakah Kerajaan Malaysia akan menghantar tentaranya untuk membantu Amerika dan sekutu-sekutunya?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak bercadang untuk berbuat demikian dan ini telah dijelaskan bahawa kita hanya akan menghantar tentera sekiranya diperbuat di bawah panji-panji Bangsa-bangsa Bersatu.

PEKERJA LADANG/LOMBONG - TABUNG PUSINGAN

11. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah kedudukan sebenarnya mengenai Tabung Pusingan bagi pekerja-pekerja ladang dan lombong yang ditubuhkan dalam tahun 1974;

(a) jumlah orang yang mendapat pinjaman dan jumlah pinjaman setakat 1.11.1990,

(b) jumlah majikan ladang dan lombong yang menerima pinjaman dan jumlah pinjaman sehingga 1.11.1990; dan

(c) adakah Kementeriannya bercadang untuk meninggikan kadar pinjaman dari \$7,500.00 ke \$20,000.00.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak wujud apa yang disebut sebagai 'Tabung Pusingan bagi peKerja-pekerja ladang dan lombong' oleh Ahli Yang Berhormat itu. Apa yang ada ialah Kumpulanwang Amanah Pinjaman Perumahan Kepada Golongan Berpendapatan Rendah yang terbuka kepada semua

mereka yang layak, mengikut syarat-syarat yang ditetapkan, termasuklah pekerja-pekerja ladang dan lombong, nelayan, penoreh getah, petani, peniaga kecil, buruh, pemandu dan lain-lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 1hb. November, 1990:

- (a) Jumlah peminjam ialah seramai 3,512 orang dan ini melibatkan jumlah pinjaman sebanyak \$24,934,825.00.;
- (b) Hanya dua buah ladang sahaja yang menerima pinjaman di bawah Skim ini melalui kerjasama majikan berkenaan dan ini melibatkan seramai 276 peminjam. Bagaimanapun, jumlah keseluruhan peminjam dari kalangan pekerja ladang iaitu termasuk mereka yang memohon secara persendirian ialah seramai 358 orang dengan jumlah pinjaman sebanyak \$2,656,000. Dari kalangan pekerja lombong pula, jumlah peminjam ialah 48 orang dengan jumlah pinjaman sebanyak \$360,000.00;
- (c) Sukalah saya menegaskan di sini bahawa apa jua cadangan ke arah menambahkan had maksima pinjaman perlu mengambil kira faktor-faktor kemampuan bakal peminjam dari segi bayaran balik pinjaman.

Kementerian saya perlu membuat kajian yang teliti sebelum dan sekiranya cadangan tersebut ingin dilaksanakan.

UBAT TRADISIONAL - PENDAFTARAN

12. **Puan Law Jack Toon** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengenai penguatkuasaan pendaftaran untuk ubat-ubat tradisional bersama dengan sukatan-sukatannya mulai dari tahun depan di Malaysia. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengenalpasti sama ada ubat-ubat tradisional boleh memulihkan penagih dadah atau mengubati penyakit AIDS ataupun menambahkan kekuatan kaum lelaki dengan memakan Tongkat Ali yang diakui oleh ramai bomoh, dukun, sinseh dan lain-lain pengamal ubat tradisional.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran ubat-ubat tradisi dijangka bermula pada tahun 1991. Hanya ubat-ubat tradisi yang selamat dan bermutu dibenarkan dipasarkan untuk kegunaan rakyat Malaysia. Pada masa ini tidak ada bukti yang saintifik untuk mengesahkan ubat-ubat tradisi boleh memulihkan penagih dadah, mengubati penyakit AIDS dan Tongkat Ali menambahkan kekuatan kaum lelaki.

JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN DI ESTET-ESTET

13. **Tuan V.K. Sellapan** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan adakah Kerajaan pernah terfikir atau bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan di estet—estet dan lombong-lombong untuk membangunkan masyarakat estet dan lombong secara mental selaras dengan pembangunan fizikal negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan Tong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya adalah ringkas sekali. Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat buat masa ini.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat berkenaan beritahu Dewan yang mulia **ini**, apa salahnya ditubuhkan satu Jawatankuasa Keselamatan bagi tujuan untuk menyatupadukan berbagai kaum di dalam estet.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Jawatan-kuasa Kemajuan dan Keselamatan adalah tugas Kerajaan Negeri dan lagi pun kita ada badan-badan dan agensi-agensi yang lain yang boleh membuat usul ini seperti sekolah, taman asuhan kanak-kanak, tadika dan kelas KEMAS.

KERAJAAN PUSAT/KERAJAAN NEGERI - DASAR HUBUNGAN

14, **Tuan Hassan bin Harun** minta Perdana Menteri menyatakan dengan sejelas-jelasnya dasar Kerajaan Pusat mengenai hubungan antara pusat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri di bawah pemerintahan parti pembangkang,

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat menerima dan menghormati keputusan pilihanraya umum yang lalu yang memberi mandat kepada 2 parti pembangkang untuk menubuhkan Kerajaan bagi memerintah dua buah negeri. Keputusan pilihanraya umum tersebut telah dicapai melalui proses yang termaktub di dalam Perlembagaan dan undang-undang negara kita yang mengamalkan demokrasi berparlimen. Oleh kerana itu, dasar Kerajaan Pusat ialah menjalin hubungan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang diperintah oleh parti-parti pembangkang menurut peraturan-peraturan dan keperluan-keperluan yang ditetapkan oleh Perlembagaan dan undang-undang. Tiada sebab mengapa hubungan rapat tidak boleh dijalin kerana Kerajaan Pusat sentiasa mengutamakan kestabilan, keamanan, perpaduan negara dan akan terus memastikan kemakmuran dan pembangunan dinikmati oleh rakyat tanpa mengira di mana mereka berada.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat. Kita metnang sentiasa melayan rakyat dan cuba berhubung rapat dengan Kerajaan Negeri. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, kalau sekiranya Kerajaan telah begitu banyak berbudi, akhirnya bukan bunga yang dibalasnya, tahi dibalasnya balik kepada Kerajaan. Saya rasa amat patut sekali kalau kita menganak cirikan negeri itu.

Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, sama ada Kerajaau akan terus memberi bantuan kepada projek-projek yang datangnya daripada Federal, selain daripada projek-projek di negeri itu sendiri.

Tuan Othman bin Abdul: Seperti yang telah saya jelaskan tadi bahawa Kerajaaa Pusat akan terus memberikan projek-projek pembangunan untuk negeri yang diperintah oleh parti-parti pembangkang ini berasaskan kepada peruntukan yang sedia ada dalam Perlembagaan negara.

Puan. Ainon binti Ariffin: Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen yang berkenaan mengenai penubuhan satu Jabatan yang diberi nama Jabatan Pembangunan Pusat yang baharu sahaja diumumkan. Apakah ini menunjukkan satu langkah baru cara-cara Kerajaan Pusat hendak mendekati Kerajaan Negeri, terutamanya negeri-negeri dalam pemerintahan pembangkang seperti Kelantan dan Sabah. Kalau ianya seperti jawapan Setiausaha Parlimen tadi, apakah fungsi Jabatan ini ditubuhkan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan ini ditubuhkan ialah untuk menyelaraskan program-program pembangunan Kerajaan Pusat yang akan disalurkan kepada Kerajaan-kerajaan

Negeri. Inilah Jawatankuasa atau Pegawai yang akan mengendalikan pembahagian dan juga pengawasan pembangunan bagi negeri-negeri yang berkenaan.

MAS - JURUTERA PEHYELENGGARA LETAK JAWATAN

15. Tuan P. Balaram minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah "Mas Aircraft Maintenance Engineer" meletak jawatan sejak bulan Januari tahun iai;
- (b) bagaimanakah kekurangan ini diatasi oleh MAS; dan
- (c) apakah sebab-sebab utama perletakan jawatan itu jika ada.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, semenjak bulan Januari, 1990 hingga sekarang seramai 23 orang jurutera penyelenggara pesawat MAS telah meletak jawatan. Langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan ini termasuklah:

- (i) Pengambilan expariate untuk jangka pendek;
- (ii) Pengambilan appariate untuk jangka panjang;
- (iii) Kenaikan elaun-elaun berkaitan untuk mengurangkan perletakan jawatan.

Jawapan kepada (c), pada masa sekarang industri pengangkutan udara sedunia menghadapi kekurangan Jurutera Penyelenggaraan Pesawat. Oleh itu terdapat beberapa syarikat penerbangan asing yang menawarkan gaji yang lebih tinggi untuk menarik Jurutera-jurutera Penyelenggaraan Pesawat. Faktor ini merupakan sebab utama terdapatnya perletakan jawatan itu.

PENDATANG HARAM DI MELAKA

16. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan yang dibuat terhadap kemasukan pendatang tanpa izin khususnya di pantai Melaka sejak kebelakangan ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis sentiasa mengambil tindakan mengesan dan menangkap Pendatang Tanpa Izin yang masuk ke negara ini, khususnya di kawasan pantai yang berhadapan dengan perairan Selat Melaka. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 1981 hingga September, 1990 seramai 261,763 orang pendatang tanpa izin telah ditangkap di seluruh negara dan 241,077 orang daripada mereka telahpun diusir keluar.

USAHAWAN BUMIPUTERA ISLAM - BANTUAN KEWANGAN

17. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan bantuan kewangan yang diberikan kepada usahawan Bumiputera Islam melalui LTTF yang disediakan oleh Bank Pembangunan Islam, IDB:-

- (a) jenis perusahaan; dan
- (b) jumlah bantuan yang diberikan sejak skim ini diperkenalkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Abdul Ghani bin Othman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim tabung "Long Term Trade Financing" (LTTF) yang diwujudkan oleh Bank Pembangunan Islam (Islamic Development Bank) adalah dengan tujuan untuk menggalakkan eksport antara negara-negara ahli (Organisation of Islamic Countries). Skim LTTF hanya baru beroperasi pada tahun 1987 dan setakat ini hanya sejumlah lebih kurang US\$9.7 juta telahpun digunakan untuk pengeksporan barangan Malaysia. Barang-barang yang dibiayai di bawah skim LTTF ini ialah untuk eksport papan lapis dan 'blockboard'.

Walaupun terdapat beberapa syarikat yang berminat untuk menggunakan kemudahan skim ini untuk mengeksport barangan seperti getah, minyak kelapa sawit dan barang pembuatan lain ke negara seperti Iraq, Yemen dan negara-negara Arab yang lain ianya terpaksa ditangguhkan oleh sebab krisis Teluk.

PENGELUARAN MINYAK DAN GAS DI SEMPADAN MALAYSIA-THAILAND

18. **Tuan Hassan bin Harun** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah pengeluaran minyak dan gas di Sempadan Malaysia-Thailand akan dimulakan, dan apakah faedah yang mungkin akan dinikmati oleh Negeri Kelantan berhubung dengan perkembangan ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, kawasan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ini ialah luar pantai Kelantan yang bersempadan dengan Thailand yang masih lagi dipertikaikan sempadannya. Kedua-dua negara Malaysia dan Thailand telah bersetuju untuk mengeksploitasi sumber-sumber petroleum (minyak dan gas) di kawasan ini secara bersama di bawah satu badan yang dinamakan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia Thailand.

Buat masa ini, usaha-usaha masih dijalankan untuk menubuhkan secara rasmi Pihak Berkuasa Bersama ini untuk membolehkannya beroperasi mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan. Seperti yang telah diketahui umum, Akta bagi penubuhan Pihak Berkuasa ini telah diluluskan oleh Parlimen pada 28.6.1990 dan akan diwartakan untuk berkuatkuasa tidak lama lagi, kemungkinan pada awal tahun 1991.

Berhubung dengan faedah yang mungkin akan dinikmati oleh negeri Kelantan, adalah terlalu awal untuk memastikan faedah-faedah berkenaan. Ini adalah kerana usaha-usaha yang dijalankan sekarang adalah bagi membolehkan kerja-kerja mencari-gali sumber-sumber petroleum dijalankan. Buat masa ini masih belum pasti adanya sumber-sumber petroleum yang boleh dieksploitasi secara commercial. Walau bagaimanapun sekiranya wujud sumber-sumber petroleum yang boleh dieksploitasi secara commercial, maka faedah-faedah sampingan seperti peluang-peluang pekerjaan, pengwujudan industri sokongan dan perkembangan perkhidmatan-perkhidmatan bekalan akan dinikmati oleh negeri tersebut.

JUMLAH PENGANGGUR

19. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapa ramai penganggur yang berdaftar sehingga Oktober, 1990 ini.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Lim Ah Lek]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pencari kerja yang masih aktif berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementarian Sumber Manusia sehingga September 1990 ialah seramai 57,395. Bilangan pencari kerja sehingga bulan Oktober, 1990 sekarang dikumpul dan belum lagi disiapkan. Terima kasih.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya jumlah itu agak mengejutkan. Apakah langkah-langkah Kementerian Yang Berhormat akan ambil bagi meredakan, mengurangkan kesedihan dan penderitaan pencari-pencari kerja ataupun penganggur-penganggur ini?

Dato' Lim Ah Lek: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada di antara mereka yang telah berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat telah bekerja, tetapi mereka masih mendaftarkan diri dengan Jabatan itu dengan harapan mereka dapat tawaran kerja yang lebih baik atau sesuai dengan kelayakan atau kecenderongan mereka.

Pembangunan negara yang pesat dan pelaburan yang kian meningkat telah mewujudkan banyak peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat yang mahu bekerja, dan sekiranya mereka yang berkenaan tidak memilih pekerjaan atau dengan izin, not choosy dengan pekerjaan-pekerjaan mereka itu, mereka tidak akan menganggur. Adalah didapati beberapa buah kilang sedang mengadakan 'Walk-in-Interview', jadi mereka masuk sahaja tidak payah dipanggil, terus masuk dan terus dapat kerja. Itu terpulanglah kepada mereka.

Tuan Foo Boon Liang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dari jumlah seramai 57,395 yang berdaftar, berapa dari negeri Pahang?

Dato' Lim Ah Lek: Tuan Yang di-Pertua, dari jumlah 57,395 yang didaftarkan di bawah Kementerian saya, seramai 3,457 adalah dari negeri Pahang.

Tuan Ng Pey Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia kerana memaklumkan di Dewan ini dengan makluman yang tepat bahawa sebenarnya para penganggur yang mendaftar seramai 57,395 ini adalah pekerja-pekerja yang sedang bekerja. Saya sebut demikian kerana saya minta Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia membuat satu kajian dengan jangka panjang dan jangka pendek untuk mengatasinya, kerana di masa ini banyak pekilang-pekilang daripada negara asing telah berjaya melabur di negara kita, tetapi saya dapati banyak lagi negeri-negeri yang menghadapi kekurangan pekerja-pekerja di kilang. Apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian Sumber Manusia untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur yang melabur dan menubuhkan kilang di negara ini.

Dato' Lim Ah Lek: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Atas cadangan yang baik itu memang Kerajaan sentiasa mengambil berat tentang masalah pengangguran di negara ini. Jadi Kerajaan sentiasa mengambil berat untuk mengadakan beberapa langkah tertentu untuk memperbaiki keadaan tersebut. Terima kasih.

PASPORT ANTARABANGSA - PEMALSUAN

20. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah ketat yang diambil oleh Kerajaan mengatasi pemalsuan pasport antarabangsa dan:

- (a) berapa kes pemalsuan telah berlaku sehingga masa ini; dan
- (b) rakyat negeri manakah yang terlibat dan berapa jumlahnya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mencari jalan untuk mengatasi masalah pemalsuan Paaport Antarabangsa ini. Antara langkah-langkah yang sedang dan akan diambil ialah:

- (i) mengetatkan kawalan dengan membuat penelitian semasa pemeriksaan di semua pintu masuk negara.
- (ii) mendapatkan kerjasama dari pihak berkuasa luar negeri bagi mengesan pasport Malaysia yang dipalsukan atau dipinda.
- (iii) menambah ciri-ciri keselamatan, dengan izin, security features paspart itu sendiri.
- (iv) menasihatkan pemegang pasport berkenaan agar lebih bertanggungjawab untuk menjaga pasport tersebut agar tidak jatuh kepada tangan orang lain.
- (v) mengambil tindakan undang-undang kepada mereka yang msmalsukan atau meminda dokumen tersebut.

Bagi soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat tidak ada kes pasport Malaysia palsu yang dijumpai setakat ini. Kes yang ada sekarang hanyalah pasport tersebut diubah ciri-cirinya sahaja.

Dari tahun 1989 hingga September, 1990 ialah sebanyak 568 kes,

(b) antara mereka yang didapati terlibat adalah seperti berikut:

Malaysia	360
Indonesia	37
Thailand	75
Sri Lanka	32
Republik Rakyat China	39
India	10
Taiwan	5
Singapura	3
Burma	3
Pakistan	4

Tuan Yang di—Pertua: Soalan tambahan yang akhir Tuan Azman Atar.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, di antara kes-kes pemalsuan pasport tadi, adakah di dalam penyiasatan Polis bahawa di samping orang luar yang melakukan kejadian ini ada juga di antara kakitangan Imigresen itu sendiri? Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan tadi bahawa pihak-pihak yang telahpun mengusik atau temper kepada pasportnya ada juga yang terdiri daripada rakyat Malaysia iaitu 360 kes, tetapi setakat tni kita belum lagi membuat tangkapan atau mensyaki bahawa ada pegawai-pegawai Imigresen yang terlibat secara langsung dengan kes mengusik atau temper dengan Pasport-pasport Antarabangsa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk soalan-soalan sudah cukup dan kita terus pergi kepada Aturan yang lain.

**USUL
JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN**

3.41 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya akan mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polia Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan **ini**, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan **ini**, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Haji Annuar bin Musa]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah

bahawa usul atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri hendaklah disetujui,

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan **ini**, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan **ini**, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

USUL

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA Y.A.BHG. TUN SHARIFAH RODZIAH
BINTI SYED ALWI DAH KELUARGA ATAS KEMBALINYA
KE RAHMATULLAH Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ,
PERDANA MENTERI YANG PERTAMA**

3.42 ptg.

Timbalan Perdana Menteri [Tuan Abdul Ghafar bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua,

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan sedih yang amat sangat di atas kembalinya ke Rahmatullah, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri yang pertama negara ini pada 6hb Disember, 1990 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tuan Sharifah Rodziah binti Syed Alwi dan keluarga Almarhum.

Seluruh rakyat Malaysia berasa, amat dukacita dan sedih di adas kembalinya ke Rahmatullah Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj . Sesungguhnya dengan kembalinya ke Rahmatullah Almarhum Tunku, negara telah kehilangan seorang pemimpin dan negarawan ulung yang amat dihormati dan dicintai Pengorbanan Almarhum Tunku Abdul Rahman dalam bidang politik dan pentadbiran tanahair tidaklah terukur nilainya dan perjuangannya tetap menjadi satu peristiwa besar dalam sejarah negara.

Almarhum Tunku adalah seorang putera Raja. Namun jiwa dan keperibadiannya adalah sama dengan jiwa dan keperibadian rakyat , malah sejak dari zaman kanak-kanak, Almarhum sangat gemar berdampingan dengan rakyat sehingga diberi gelaran 'budak kampung' oleh saudara-saudaranya. Kerana jiwa dan keperibadian demikianlah Almarhum telah diterima rakyat sebagai seorang pemimpin besar dan diberkati Allah s.w.t. di dalam segala bidang dan lapangan yang diterokainya.

Almarhum membebaskan kita dari belenggu penjajahan dan memberikan kita maruah sebagai warga sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Sumbangan Almarhum Tunku sebagai printis dan pelopor kemerdekaan negara ini merupakan sumbangan yang tidak ternilai harganya dalam sejarah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj menduduki tempat yang amat teristimewa dalam sejarah politik negara. Dikenali di seluruh negara sebagai Bapa Malaysia, peranan serta sumbangannya kepada kemerdekaan negara tidak dapat dipersoalkan lagi. Walaupun setelah 20 tahun meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri, pandangan serta pendapatnya terus diterima dengan penuh hormat dan dihargai oleh semua pihak. Pandangan-pandangan Almarhum berpengaruh bukan sahaja kerana peranannya yang amat ketara dalam perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan tetapi juga kerana beliau adalah satu-satunya pemimpin yang hidup dan aktif dalam empat zaman iaitu zaman ketika negara di-jajah, zaman perang Jepun, zaman selepas perang iaitu era memperjuangkan kemerdekaan dan zaman selepas merdeka hingga ke saat-saat akhir hayatnya.

Almarhum Tunku juga telah membina asas bagi pelbagai institusi negara kita yang besar faedahnya. Atas daya usaha Almarhum yang tidak kenal penat lelah itu, kita kini mewarisi Perlembagaan negara, institusi-institusi politik dan struktur pentadbiran yang kukuh.

Setelah mencapai kemerdekaan dan membentuk Malaysia, Almarhum Tunku Abdul Rahman pula sebagai pemimpin dan tokoh yang menerajui pembangunan negara ke arah kemajuan dan kemakmuran bersama-sama

dengan Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussin, Almarhum telah mencipta rancangan pembangunan yang memberi penekanan kepada pembangunan luar bandar.

Almarhum Tunku telah mengasaskan dan memupuk nilai-nilai kesederhanaan di kalangan rakyat berbilang kaum di negeri ini. Antara nilai ini adalah toleransi bertolak ansur, persefahaman dan muhibbah. Nilai-nilai ini telah mendorong masyarakat majmuk Malaysia untuk hidup aman damai. Almarhum Tunku jugalah yang telah mengasaskan budaya politik berlandaskan kompromi dan bermuafakat di antara golongan-golongan yang berlainan latar belakang dan kepentingan. Almarhum Tunku juga merupakan seorang penentang fahaman komunis. Apabila Almarhum menandatangani pengisytiharan berakhimya darurat, Almarhum telah menyatakan betapa bangganya Almarhum dengan perpaduan dan taat setia rakyat Malaysia. Almarhum menyatakan rakyat Malaysia telah memperlihatkan kepada dunia bahawa mereka mempunyai cara hidup yang jauh lebih baik dan lebih makmur daripada yang dijanjikan oleh pihak komunis.

Almarhum Tunku juga telah memainkan peranan penting dalam mengembangkan syiar Islam di negara kita dan di peringkat antara-bangsa. Almarhum Tunku mengasaskan Majlis Tilawah al-Ouran kebangsaan dan antarabangsa yang menjadi satu acara yang menarik dalam dunia Islam hingga sekarang.

Sebagai pemimpin PERKIM Almarhum Tunku telah membantu mengembangkan syiar Islam di rantau ini dan berusaha memelihara kebajikan mereka yang memeluk agama Islam.

Pada tahun 1961 Almarhum telah mengutarakan Gagasan Komanwel Islam untuk mencari titik perpaduan di kalangan negara-negara Islam. Pada bulan April 1969 sebagai hasil usaha Almarhum Tunku, Malaysia telah menjadi Tuan rumah kepada Persidangan Islam Antarabangsa yang disertai oleh 20 buah negara Islam. Sebagai Setiausaha Agung pertama Secretariat Islam yang kemudian dikenali sebagai Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC), Almarhum telah berjaya memperjuangkan kepentingan umat Islam di seluruh dunia dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan. Almarhum Tunku juga merupakan seorang tokoh damai dan perpaduan antarabangsa. Almarhum mempelopori usaha-usaha ke arah memupuk perpaduan dan kerjasama serantau.

Sewaktu hubungan di kalangan negara-negara di rantau ini tidak begitu mesra, Almarhum Tunku telah mencadangkan satu pertubuhan serantau bagi kawasan Asia Tenggara untuk memajukan persefahaman di kalangan negara-negara tersebut. Cita-cita tersebut menjadi kenyataan dengan terbentuknya Persatuan Asia Tenggara atau ASA antara Malaysia, Thailand dan Filipina. Pada tahun 1967 lahirlah ASEAN dengan penyertaan Indonesia dan Singapura. Antara anugerah yang diterima oleh Almarhum Tunku ialah anugerah Ramon Magsaysay dalam tahun 1960. Sikap Almarhum Tunku yang mengutamakan keadilan dan peri kemanusiaan menjadikan Almarhum penentang ulung apartheid Afrika Selatan. Almarhum telah mengutuk dasar tersebut di Persidangan Komanwel di London pada tahun 1960 dan melancarkan pemulauan terhadap barang-barang Afrika Selatan yang kemudiannya turut disertai oleh beberapa negara lain. Akibat tekanan ini Afrika Selatan terpaksa meninggalkan Komanwel pada tahun 1961.

Almarhum Tunku juga terkenal sebagai seorang pencinta sukan kerana minat dan sumbangannya Almarhura Tunku telah dilantik menjadi Presiden Persatuan Bolasepak Asia dari tahun 1950 hingga tahun 1971. Almarhum Tunku juga telah mengilhamkan pertandingan Bolasepak Merdeka, salah satu pertandingan bertaraf antarabangsa yang utama di rantau ini pada satu ketika dahulu.

Sebagai penaung kegiatan seni, Almarhun Tunku telah memberikan perhatian kepada warisan kebudayaan Melayu. Almarhum Tunku merupakan seorang penulis yang bijak, membuat sumbangan dengan menghasilkan karya-karya yang menarik dalam bentuk rencana dan buku. Almarhum Tunku sekarang tidak lagi bersama-sama kita. Namun sumbangan Almarhum tidak dapat dihakis daripada kenangan kita. Tiada siapa dapat menafikan sumbangan Almarhum kepada negara yang amat dicintai oleh Almarhum. Nama dan sumbangan Almarhum pasti akan tertulis dengan cinta emas dalam sejarah negara.

Sebagai penghormatan terakhir daripada Dewan ini dan bagi mengenang budi Almarhum sebagai seorang negarawan asing, marilah kita buat seketika bersama-sama menghormati Almarhum dengan mengucapkan takziah daripada hati yang ikhlas kepada keluarga Almarhum. Sesungguhnya, kepiluan negara, kepilaan kerana ketnbalinya kerahmatallah Almarhun Tunku amat dirasakan oleh rakyat Malaysia.

Saya bagi pihak Kerajaan berharap balu Almarhum Tun Sharifah Rodziah dan anggota keluarga Almarhum akan tabah hati serta bersabar.

Kita berdoa senoga Allah swt . mencucuri rahmatNya ke atas roh Almarhum.

Tuan Yang di-Pertua, bagi diri saya kali pertama saya bertemu dengan Tunku kira-kira pertengahan tahun 1951 di Melaka dalam satu rapat umum parti UMNO. Saya terus pada ketika itu menjadi ahli UMNO kerana tertarik hati dengan sikap dan pendirian Tunku Abdul Rahman yang tegas dan meyakinkan saya bahawa beliau berkemampuan untuk memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Walaupun UMNO ditubuhkan pada tahun 1946, tetapi saya menyertainya pada tahun 1951 kerana sebelum itu saya telah menjadi anggota Partai Kebangsaan Melayu Malaya yang ditubuhkan dalam tahun 1945 sebelum UMNO dilahirkan, yang juga berjuang untuk mencapai kemerdekaan negara. Parti tersebut telah diharamkan oleh British dalam tahun 1943. Saya terhutang budi kepada Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj kerana dengan bantuan dan galakan darinya membolehkan saya meningkatkan kepada jawatan yang saya pegang pada hari ini. Beliau benar-benar seorang yang baik hati. Pada satu ketika beliau sanggup menggunakan wangnya sendiri untuk membiayai saya bagi menyambung pelajaran ke luar negeri. Malangnya, saya tidak dapat menerima tawaran itu kerana saya lebih suka berada dalam negeri menyokong beliau dalam perjuangan untuk mencapai kemerdekaan. Hubungan saya dengannya sangat rapat sebagai seorang anak dan bapa. Saya mengharapkan beliau kekal menjadi seorang yang disanjung sehingga akhir hayatnya dan akan diingati perjuangan sucinya oleh seluruh rakyat Malaysia turun-temurun walaupun berlaku perselisihan politik di antara saya dengannya pada waktu-waktu terakhir ini, tetapi dalam hati kecil saya tetap menyanjung tinggi beliau sebagai seorang negarawan [Tepuk] dan saya tidak akan melupakan jasanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Annuar bin Musa]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ini sekarang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dahalan.

3.45ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong secara ringkas di atas usul yang berbunyi, "Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan sedih yang amat sangat di atas kembalinya kerahmatullah yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj, Perdana Menteri yang pertama negara ini pada 6hb Disember, 1990 dan menyampaikan ucapan takziah kepada yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah binti Syed Alwi dan keluarga Almarhura. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong bagi pihak UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telahpun mendengar taklimat ataupun maklumat dan latarbelakang yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri secara detail di dalam mencadangkan usul tersebut tadi. Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyokong secara ringkas. Pada hari ini kita merasai kehilangan seorang insan yang paling dekat pada hati sanubari kita dalam negara dan UMNO. Kita merasai sunyi dan pilu, kita merasai kekosongan, kita bersedih beliau meninggal kita buat selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita merasai, apa yang kita nikmati dan apa yang kita alami pada hari ini adalah hasil peninggalan daripada insan yang berbakti kepada bangsa, negara dan agama itu. Kita semua bersyukur dan menginsafi di atas segala peninggalan beliau dan kurniaan yang kita menikmati dari Allah s.w.t. Kepada kita, beliau adalah national heritage, Tuan Yang di-Pertua. Almarhum mencerminkan kepada kita sebagai seorang bapa kepada semua kaum di negara **ini**, seorang negarawan dan internationalist yang tulen, seorang insan yang membawa Malaysia ke arah kemerdekaan tanpa tumpahan darah, seorang anak Raja berjiwa

rakyat, seorang diplomat yang disegani dan disanjung seluruh dunia, seorang yang liberal dan mementingkan kesederhanaan kecuali dalam keadaan mendesak, seorang strategist politik yang berkesan, seorang yang tidak opportunist dalam bentuk kebendaan untuk peribadi sendiri, seorang yang meletakkan kepentingan institusi dan masyarakat di atas kepentingan peribadi. UMNO adalah dia dan dia adalah UMNO. Seorang yang memperjuangkan hak asasi manusia, kebebasan perpaduan ummah dan keadilan hingga ke akhir hayatnya. Seorang yang begitu pragmatik dalam soal demokrasi, nasionalisma dan sosialisma, seorang yang bijak mengimbangi di antara kepentingan peribadi dan minat dengan kepentingan institusi. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, a man of the people for the people. A man of magnanimity with true greatness of soul, a great man to himself, yet to slave to his cause, his people, his nation, his religion, the world and beyond. A man of all times and occasion. Beliau adalah Malaysia dan Malaysia adalah beliau. Tidak mungkin keduanya dipisahkan, a Gandhi of Malaysia, boleh kita gelarkan untuknya.

Tuan Yang di-Pertua, titisan air mengalir dari mata. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang kita sayangi di sisi Almarhum menyaksikan pemergian Almarhum di saat-saat akhir dari dunia **ini**. Tidak dapat dibayangkan perasaan Yang Amat Berhormat ketika **itu**. Ciuman tangan Almarhum oleh Yang Amat Berhormat membuktikan kasih sayang dan sanjungan terhadap Almarhum yang tidak pernah luntur. Tuan Yang di-Pertua, bagaimana perasaan Yang Amat Berhormat terhadap Almarhum, begitulah perasaan kita ahli-ahli UMNO dan rakyat terhadap Almarhum. Yang Amat Berhormat mewarisi perjuangan Almarhum dan meneruskan warisan tersebut ke arah matlamatnya, Insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mungkin dapat membalas budi bakti Almarhum kepada kita semua, hanya Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya cadangkan untuk umat Islam supaya kita menghadihkan Al fatihah dan kepada yang bukan beragama Islam, bertafakur semoga-moga dengan hadiah itu roh Almarhum diletakkan Allah di tempat yang dijanjikan untuk orang-orang yang saleh, Insva Allah.. Dan juga marilah berdoa agar dicucuri kesejahteraan kepada Tun Sharifah Rodziah, balu Almarhum dan keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ng Peng Hay.

4.00ptg.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memohon izin menyokong usul Ucapan Takziah di atas kembalinya ke Rahmatullah Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak MCA sesungguhnya dengan rasa yang amat dukacita dan menyokong sepenuhnya usul Ucapan Takziah kepada keluarga Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Almarhum Tunku adalah seorang negarawan dan tokoh yang ulung tetapi yang lebih menonjolkan, Almarhum adalah sebagai Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia yang telah memperjuangkan kemerdekaan negara dari belenggu penjajahan dan memberikan rakyat negara ini maruah sebagai warga-negara yang merdeka. Almarhum Tunku telah menyemaikan sikap yang toleransi, nilai-nilai yang penuh kesederhanaan dan persefahaman dan semangat saling mengerti kepada rakyat negara ini yang sungguh unik. Kehilangan Almarhum Tunku adalah kehilangan yang tidak mungkin ditukar ganti, sekali pun yang patah akan tumbuh, yang hilang akan berganti. Sikap dan kewibawaan Almarhum Tunku dalam pengorbanan perjuangan politik dan pentadbiran negara ini tidak siapa yang boleh menandinginya. Sesungguhnya tidak sesiapa yang boleh menafikan bahawa Almarhum telah mengurbankan segala-galanya demi kepentingan rakyat dan negara ini dalam satu usaha mencipta kedamaian dan kemakmuran yang tulen.

Adalah tidak keterlaluan jika diberi satu kesimpulan yang jelas bahawa benih yang disemai oleh Almarhum Tunku adalah satu kesinambungan kepada pemimpin-pemimpin masa ini dalam mewujudkan Malaysia kepada satu tahap yang dikenali di kalangan antarabangsa. Asas dan sumbangan yang diletakkan oleh Almarhum Tunku dalam politik

negara ini adalah satu bukti yang jelas yang kita tidak boleh nafikan diwarisi oleh negara dalam kemantapan dan keutuhan bagi menjamin perjuangan Almarhum Tunku yang berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, kemunculan Almarhum Tunku di arena politik di saat-saat anti penjajah yang meluap-luap di negara ini di mana semangat anti imperialisme menghadapi cabaran yang begitu hebat. Di saat-saat itulah Almarhum telah mengambil satu kesimpulan yang dianggap paling berani dalam mengasaskan pembentukan sebuah negara merdeka dengan satu formula yang mantap menerusi satu gabungan parti politik iaitu Perikatan. Keserdahanaan sikap tolak ansur adalah satu nilai Almarhum Tunku yang diwarisi oleh pemimpin-pemimpin kita hari ini. Almarhum Tunku sesungguhnya seorang negarawan dan tokoh pemimpin negara yang disenangi, yang disegani dan dikagumi oleh pemimpin-pemimpin negara dunia ketiga. Sebagai juara menentang dasar apartheid di Afrika sikap Almarhum yang tegas dikenali di kalangan negara Asia/Afrika.

Tuan Yang di-Pertua, Almarhum Tunku sesungguhnya mempunyai sikap-sikap yang istimewa. Walaupun beliau keturunan kerabat di Raja dalam kehidupan yang serba mewah, pengurbanan beliau yang sanggup bersama rakyat jelata berjuang dengan mempunyai semangat rakyat adalah sikap seorang insan yang teragong yang boleh diteliti daripada amalannya yang telah berjaya mengukir satu sejarah pemimpin negara yang meletakkan asas yang kukuh kemerdekaan dan pembangunan negara ini. Semoga jasa-bakti Almarhum akan sentiasa dihargai oleh rakyat negara ini sepanjang zaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak MCA dengan penuh rasa dukacita dan simpati menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat

Berbahagia Tun Sharifah Rodziah binti Syed Alwi dan keluarga yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan P. Balaram.

4.05 ptg.

Tuan P. Balaram: Tuan Yang di-Pertua, pada 6hb Disember, 1990, negara kita kehilangan seorang putra utama dari bumi ini iaitu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Pemergian Almarhum adalah satu kehilangan besar kepada bangsa dan negara. Almarhum bukan sahaja membebaskan kita semua daripada belenggu penjajahan Inggeris, tetapi Almarhum juga menentukan bahawa rakyat Malaysia yang berbilang bangsa hidup dengan aman dan damai. Almarhum sentiasa berusaha untuk mewujudkan perdamaian dan perpaduan kaum di kalangan penduduk-penduduk di negara kita ini sehingga negara-negara luar kagum melihat perpaduan kita.

Tuan Yang di-Pertua, Almarhum meletakkan asas-asas yang kukuh bagi negara kita dan pada hari ini kita semua menikmati hasil perjuangan dan pengurbanan Almarhum. Almarhum adalah seorang tokoh pemimpin dan negarawan yang disayangi oleh semua lapisan rakyat dan kehilaagan Almarhum tidak boleh diganti oleh sesiapa pun. Walaupun pada hari ini Almarhum tidak ada bersama-sama kita tetapi ingatan Almarhum itu sentiasa di hati sanubari semua rakyat negara kita ini. Pada saat yang sedih ini, saya bagi pihak MIC menyampaikan Ucapan Takziah kepada keluarga Almarhum.

Dengan ini, saya sokong usul itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King.

4.07 ptg.

Tuan Tiong Hiew King: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bagi pihak diri saya sendiri dan Sarawak United Peoples Party, Negeri Sarawak menyokong dengan sepenuh-penuhnya Usul Ucapan Takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah binti Syed Alwi dan keluarganya di atas pemergian Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar dan mengetahui dengan sesungguhnya bahawa Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj adalah seorang negarawan ulung dan wira negara yang tidak ada tolok bandingnya yang telah memperjuangkan kemerdekaan tanahair kita dan juga berjaya menubuhkan Malaysia.

Semasa menjawat jawatan Perdana Menteri Pertama Malaysia, Almarhum amat dihormati sebagai seorang tokoh negara di negara-negara Commonwealth dan di seluruh dunia dan dikenangi sebagai seorang yang baik, bertolak ansur, budiman dan inginkan perdamaian. Almarhum juga adalah seorang pemimpin yang berjaya mewujudkan dan memupuk suasana saling memahami dan persaudaraan di kalangan rakyat kita serta membangun Malaysia menjadi makmur dan termasyhur. Oleh yang demikian patutlah Almarhum digelar "Bapa Malaysia" dan "Bapa Kemerdekaan" dan akan diingati oleh semua rakyat kita buat selamanya.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang mengetahui dalam masa hayatnya Almarhum Tunku telah banyak membuat jasa dan sumbangan yang tidak ternilai kepada negara. Setengah-setengah kita mengatakan bahawa perbuatan Almarhum pada kebelakangan ini iaitu di umur tuanya mungkin di anggap kurang cepat atau tidak mendatangkan faedah kepada

negara, namun demikian jasa dan kebaktian Almarhum adalah lebih besar berbandingkan dengan kesilapan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kembalinya Almarhum Tunku ke Rahmatullah, kita telah kehilangan seorang negarawan yang telah banyak berjasa, berbakti kepada negara kita. Jasa-jasa Almarhum tidak akan dilupakan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini sekali lagi bagi pihak Sarawak United Peoples Party Negeri Sarawak, saya mengucapkan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah binti Syed Alwi dan keluarganya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul yang berbunyi.

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan sedih yang amat sangat di atas kembalinya ke Rahmatullah, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri yang pertama negara ini pada 6hb Disember, 1990 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah binti Syed Alwi dan keluarga Almarhum,

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan sedih yang amat sangat di atas kembalinya ke Rahmatullah, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri yang pertama negara ini pada 6hb Disember, 1990 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah binti Syed Alwi dan keluarga Almarhum.

USUL

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA BEKAS TUAN YANG DI-PERTUA
DEWAN NEGARA, Y.B. TAN SRI DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI
BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN**

4.12 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih atas perkhidmatan bekas Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Y.B. Tan Sri Datuk Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen yang telah tamat tempoh perkhidmatannya pada 8hb Julai, 1990.

Tuan Yang di-Pertua, sejak beliau dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara pada 11hb Julai, 1988 hinggalah 8hb Julai, 1990, Yang Berbahagia Tan Sri dengan bijak dan budi bahasa yang halus dan sikap beliau yang sabar telah memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada Dewan Negara khasnya .dan kepada Parlimen amnya .

Sebagai tanda penghargaan, saya dengan sukacitanya mencadangkan supaya Dewan ini merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berbahagian Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen, mudah-mudahan beliau sentiasa berada di dalam keadaan sihat dan sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Haji Annuar bin Musa]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Azman Atar.

4.13 ptg.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyokong satu cadangan yang dibawa oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, saya juga mengambil kesempatan di sini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas perlantikan Dato' Yang di-Pertua selaku Yang di-Pertua Dewan Negara pada hari ini. Dan diharap atas perlantikan Dato' Yang di-Pertua ini akan dapat mengikut jejak langkah sebagaimana Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen, bekas Yang di-Pertua Dewan Negara yang telah tamat tempohnya pada 8hb Julai 1990.

Tuan Yang di-Pertua, kami Ahli-ahli Dewan Negara begitu terharu apabila sampai tempoh khidmat Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai terpaksa ditamatkan kerana telah mencukupi tempoh selama tiga tahun.

Semasa Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai menjadi Yang di-Pertua, saya merasakan sebagai salah seorang Ahli Dewan Negara telah banyak membawa perubahan, terutamanya kepada Dewan Negara. Di mana satu ketika dulu, Dewan Negara pernah dipanggil sebagai Dewan "rubber stamp". Tetapi dengan pimpinan dan bimbingan daripada bekas Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai telah meletakkan imej Dewan Negara begitu tinggi sekali dan telah dapat dihormati dan disegani oleh semua lapisan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai adalah seorang yang saya dapati begitu bijaksana, bukan hanya setakat mempunyai pelajaran tinggi, tetapi bijaksana di dalam menyelesaikan semua masalah, terutamanya terdapat masalah-masalah perdebatan di dalam Dewan yang mulia ini.

Di samping **itu**, Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai juga sebagai bekas Yang di-Pertua, sebagai seorang pemurah, sebagai seorang berbudi bahasa yang tinggi dan beliau telah memeloporkan berbagai-bagai rancangan dan cadangan semata-mata untuk memberikan kemesraan di antara satu sama lain kepada Ahli-ahli Dewan Negara. Dan saya begitu kagum di atas pimpinan bekas Tan Sri Yang di-Pertua yang telah menunjukkan kewibawaannya sebagai seorang Yang di-Pertua yang telah meletakkan diri beliau begitu mesra dengan Ahli-ahli Dewan Negara dan telah membawa kita semua kepada satu perubahan di mana sebelum itu Ahli Dewan Negara tidak pernah membuat rombongan atau membuat lawatan ke negeri-negeri lain, tetapi semenjak Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara telah membawa kami semua melawat ke negeri, contohnya Sabah, Sarawak dan mendapat sambutan begitu baik daripada Kerajaan Negeri. Begitu juga beliau telah membawa Ahli-ahli Dewan Negara melawat ASEAN countries.

Di samping **itu**, Tuan Yang di-Pertua, dengan ketiadaan Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai maka kami juga merasakan kehilangan seorang sahabat di samping menghormati beliau sebagai Tuan Yang di-Pertua. Dan saya sebagai mewakili Ahli-ahli UMNO di dalam Dewan ini mendoakan kepada Allah s.w.t. semoga beliau sentiasa diberikan rahmat dan sentiasa terpelihara dan meletakkan beliau dalam keadaan sihat wal'afiat seisi keluarga, di samping mengharapkan beliau akan terus maju jaya di dalam lapangan-lapangan yang lain sehingga mendapat satu tempat yang paling tinggi di negerinya sendiri iaitu di Sarawak akan datang.

Dan kepada Dato' Yang di-Pertua, saya berjanji apabila saya telah menyampaikan ucapan tahniah kepada perlantikan Dato' sebagai Tuan Yang di-Pertua, saya juga berjanji, kami semua Ahli Dewan Negara akan memberikan kerjasama kepada Dato' semacam mana yang kami berikan kerjasama kepada bekas Tuan Yang di-Pertua yang lalu iaitu Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai. Sekian, saya menyokong cadangan itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Puan Ainon.
4.17 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersama-sama juga dengan rakan saya Senator Azman Atar dan mewakili wanita dalam Dewan ini dan juga Senator-Senator wanita yang telah pun berundur dari Dewan ini kerana tempoh perkhidmatannya telah tamat, ingin juga merakamkan ucapan terima kasih dan rasa terhutang budi serta terhutang rasa di atas segala kepimpinan dan perkhidmatan bekas Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berhormat Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen yang telah tamat tempoh perkhidmatannya pada 8hb Julai 1990.

Seperti juga Tuan Yang di-Pertua sendiri memahami dan seperti yang telah disarankan dan diperkatakan oleh sahabat saya, sesungguhnya Yang Berhormat Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai ini atau lebih terkenal dipanggil dengan "Datuk Abang" sahaja adalah seorang Yang di-Pertua Dewan Negara yang telah mencipta sejarah cemerlang di dalam khidmatnya kepada Dewan yang mulia ini di atas sikap-sikap toleransi dan pandangan jauhnya dan rasa nasionalisme yang dijalin oleh rasa internasionalisme yang ada pada diri dan fikiran beliau itu.

Sesungguhnya kami Senator-Senator wanita juga merasakan beliau seperti seorang guru, seorang pemimpin, seorang abang baiknya kerana beliau bukan sahaja metnberikan kepimpinan secara terhormat di Dewan ini tetapi sentiasa manberikan teguran dan nasihat, pandangan dan tunjuk ajar secara bersahabat di luar Dewan ini mengenai tatacara dan juga mengenai cara-cara mengeluarkan fikiran dan pandangan di dalam tewan **ini**, Tuan Yang di-Pertua.

Adalah menjadi satu contoh tauladan yang baik yang ada pada beliau yang harus ditauladani oleh semua Speaker-speaker. Mungkin tidak keterlaluan kalau saya perkatakan oleh semua Speaker-Speaker, bukan sahaja Speaker Dewan Rakyat dan Dewan Negara, iaitu sifat tenang dan sikap liberal serta sikap tolak ansur yang tinggi yang berdasarkan principle yang ada pada beliau dalam menyelesaikan semua masalah. Pernah terdapat pertelagahan di Dewan ini mengenai satu-satu usul yang kontroversi, beliau dengan bijaksananya menangguhkan sidang Dewan, lalu memanggil semua Senator-senator untuk berunding dari hati ke hati supaya kita bercakap tidak mengikut emosi, supaya kita tidak melanggar tatasusila dan aturan peraturan mesyuarat di Dewan yang mulia ini dan supaya kita mengambil keputusan yang bijaksana dalam mengeluarkan pandangan dan tidak terpengaruh oleh perasaan sentimen, keakuan, kekumpulan dan juga kepentingan sesuatu golongan.

Kami mendapati beliau seorang wira dalam saat-saat terdesak, di saat-saat darurat. Satu pengalaman yang pahit tetapi manis pernah kami alami semasa kami melawat negara ASEAN yang bernama Filipina di mana ketika itu 'Senators group', dengan izin, telah terkandas oleh pemberontakan yang berlaku di sana. Beliau dengan pantas, tegas dengan sikap toleransi serta rasa naungan yang tinggi telah menyelamatkan kami daripada panik, daripada bersifat tidak tentu arah, mengambil langkah-langkah positif, satu demi satu hingga berjaya kami diselamatkan dan dikeluarkan daripada negara yang berkenaan dan dengan pengaruh beliau, hemah tingginya Kedutaan-kedutaan kita dan Kedutaan-kedutaan negara yang berkenaan

telah begitu hormat dan begitu mengambil berat masalah yang kita hadapi ketika itu dan dengan wang ringgitnya sendiri beliau telah menyelamatkan kami dengan bantuan seorang sahabatnya, Senator yang di hadapan saya ini - Senator Tiong Hiew King, kita telah diterbangkan secara rahsia, secara yang boleh dikatakan ketenteraan dan melalui perbelanjaan yang mahal diseludupkan keluar daripada negara Filipina dan kami selamat pulang ke tanahair.

Ini satu budi di antara budi-budi beliau yang lain dan kami akan sentiasa kenang dan sentiasa akan kami pinta dengan rasa keikhlasan, sanjungan yang tinggi terhadap khidmat cemerlang beliau. Beliau juga terkenal sebagai seorang pendamai apabila berlaku peristiwa. Peristiwa yang dicituskan oleh permainan bola sepak di antara Malaysia dengan Sarawak satu ketika dahulu. Oleh kerana atas emosi yang tidak menentu dan oleh kerana rasa kawalan yang kurang arif di antara penyokong-penyokong kedua-dua negeri dalam Malaysia ini, terdapat beberapa kontroversi dan tanda-tanda kekaburan perhubungan di antara ahli-ahli sukan khususnya, penyokong-penyokong amnya. Beliau dengan pantas mengambil peranan menyatu-padukan melalui kareer seninya lalu membawa beberapa rombongan dari Sarawak ke Malaysia dan kemudian menerima pula rombongan dari Malaysia ke Sarawak, maka terjalinlah kembali rasa kasih sayang, persaudaraan dan kembali tinggillah nilai-nilai kesukanan di kalangan pemain-pemain sukan atau olahraga-olahragawan kita. Banyak Lagi budi-budi beliau dalam menentukan dan merapatkan hubungan di antara pemerintah-pemerintah negara-negara, bukan sahaja negara ASEAN, tetapi juga negara-negara di Asia Tenggara.

Terdapat dahulunya kita dengan India tidak begitu rapat dan mesra hubungannya, iaitu maksud saya di antara Senator-senator kita dan Senator-senator di sana, beliau juga menjadi penyambung dan jambatannya hingga kita dihormati dan kita dapat bertukar fikiran dengan mudah dan terbuka dengan pihak-pihak di negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak wanita sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih, merakamkan rasa penghargaan yang tinggi dan mengharapkan bahawa beliau akan terus diberikan penghormatan dan diberikan nilai-nilai penghargaan yang wajar di atas hemah, pelajaran, perkhidmatan dan juga di atas niat baiknya yang ingin berkhidmat terus kepada rakyat, Sikap 'humble'nya, dengan izin, sikap rendah dirinya tetapi tinggi budinya yang ada pada beliau kerana beliau masih muda, bertenaga dan boleh lagi memberikan sumbangan yang baik untuk negara kita.

Dengan ini, saya tamatkan ucapan terima kasih saya dengan doa restu dari kita sekalian semoga Allah akan memberikan taufik hidayahnya kepada beliau, isterinya yang rupawan dan juga kepada kaum keluarganya. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Foo Boon Liang.

4.26 ptg.

Tuan Foo Boon Liang: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di hadapan Majlis yang mulia ini untuk mengucapkan penghargaan yang tinggi di atas jasa Tan Sri Dato' Abang Haji Ahmad Urai di atas khidmatnya sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Sebagai seorang yang di-Pertua, saya dapata Tan Sri Dato' Abang Haji Ahmad Urai telah menjalankan tugasnya dengan adil dan saksama dengan memberi

peluang kepada semua Ahli untuk mengambil bahagian, terutama dalam memberi Ahli-ahli bertanya soalan tambahan walaupun soalan tambahan itu ada kalanya tidak berkaitan, tetapi Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai telah dengan hati beliau yang mulia itu memberi peluang kepada Ahli dan dengan ini telah mewujudkan kemesraan di antara Ahli-ahli Dewan Negara dengan Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai selaku Yang di-Pertua Dewan Negara yang lepas.

Saya berdoa supaya beliau dipanjangkan umur dan dimurahkan rezeki oleh Tuhan yang maha kuasa supaya beliau dapat memberi kebajikan kepada manusia yang inginkan pertolongan sebab beliau terkenal sebagai seorang dermawan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih atas perkhidmatan bekas Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Y.B. Tan Sri Datuk Haji Abang Ahmad Urai bin Dat'u Hakim Abang Haji Mohideen yang telah tamat tempoh perkhidmatannya pada 8hb Julai, 1990.

USUL

JAWATANKUASA PEMILIH - LANTIKAN AHLI-AHLI

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1) Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Penggal Pertama Parlimen Kelapan:

- (i) Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara sebagai Pengerusi;
- (ii) Yang Berhormat Tuan Haji Annuar bin Musa;
- (iii) Yang Berhormat Tuan David Yeoh Eng Hock;
- (iv) Yang Berhormat Tuan Wong Kie Yik;
- (v) Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

Dato' Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1) Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Penggal Pertama Parlimen Kelapan:

- (i) Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara sebagai Pengerusi;
- (ii) Yang Berhormat Tuan Haji Annuar bin Husa;
- (iii) Yang Berhormat Tuan David Yeoh Eng Hock;
- (iv) Yang Berhormat Tuan Wong Kie Yik;
- (v) Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menyambungkan urusan mesyuarat ini, menurut Peraturan 6(3), saya menjemput Yang Berhormat Tuan Adam Kadir datang ke sini untuk mempengerusikan Mesyuarat ini sementara. [Tepuk]

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Mesyuarat**]

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH

4-32 ptg.

Tuan Hassan bin Harun: Bismillahir-rahmanir-rahim. Assalammu Alaikum Warahtnatullahi Wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya, Hassan bin Harun akan mencadangkan: Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih ke bawah Duli kerana Titah Ucapan ke bawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelapan."

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kerana telah diberi peluang dan kepercayaan untuk mencadangkan ucapan ini. Kepercayaan ini adalah juga satu penghormatan kepada 33% rakyat Kelantan yang masih percaya dan yakin dengan perjuangan Barisan Nasional, khususnya UMNO. Rakyat yang masih mahu bersama dalam mainstream proses permodenan

bangsa bagi menyediakan diri untuk memasuki kurun ke 21 yang mencahar dan yang memerlukan kekuatan iman dan kecanggihan ilmu.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Kelapan ini adalah satu ucapan yang komprehensif yang mencakupi semua aspek kehidupan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dan budaya, yang sekali gus menunjukkan betapa peka dan prihatin Tuanku kepada aspirasi rakyat Malaysia yang mahu dihormati dan disegani oleh masyarakat dunia. Alangkah bertuahnya Malaysia di saat-saat ia sedang mendaki gunung kejayaan mempunyai seorang Raja yang berwibawa, lagi bijaksana dan seorang Perdana Menteri yang berpandangan jauh dan berkeupayaan peribadi (personal will), dengan izin, yang luar biasa. Kombinasi Raja Berperlembagaan yang dihormati dan disegani dan Ketua Eksekutif yang dinamik ini, rakyat Malaysia akan menempuh dekad 90an menjelang kurun ke-21 dengan penuh keyakinan dan kemegahan. Dekad 90an akan merupakan suatu era pendemokrasian, proses politik dunia di mana satu demi satu Kerajaan yang bercirikan otokrasi, kediktatoran, feudalisme dan nepotisme akan diroboh dan ditukar oleh popular will. Malaysia bernasib baik kerana pejuang-pejuang kemerdekaannya telah memilih satu sistem yang terbukti tahan diuji, iaitu sistem demokrasi dengan Raja Berperlembagaan. Kita sudah jauh ke depan dalam proses memantapkan amalan demokrasi di negara ini sekiranya dibandingkan dengan majoriti negara-negara lain di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, apakah bukti yang lebih jelas kepada ketahanan dan kemantapan sistem demokrasi di negara ini kalau tidak proses dan amalan pada Pilihanraya Umum yang baru selesai baru-baru ini. Duli Yang Maha Mulia sendiri dalam Titah Ucapan Baginda menyatakan rasa puas hati Baginda serta menegaskan, saya petik:

"Kebebasan rakyat membuat pemilihan dalam Pilihanraya Umum merupakan asas demokrasi berparlimen yang diamalkan oleh negara. Hak kebebasan rakyat akan terus dijamin oleh Perlembagaan dan dilindungi oleh sistem perundangan yang adil."

Kebebasan yang dinikmati oleh rakyat Malaysia sukar hendak dibandingkan dengan negara-negara membangun lain. Bagi tempoh 1986 hingga 21 Oktober, 1990 sistem demokrasi di Malaysia diuji secara bertubi-tubi dari segenap sudut dan aspek, baik dari segi ekonomi, politik, sosial, agama mahupun kehakiman. Krisis demi krisis melanda negara, krisis UMNO, krisis MCA, krisis resessi ekonomi, krisis sistem kehakiman dan lain-lain lagi. Orang-orang kenamaan seperti pemimpin-pemimpin Majlis Peguam, kesatuan sekerja tertentu, bekas-bekas Ketua Hakim Negara, bekas Ketua Audit Negara, bekas-bekas pemimpin Kerajaan dan Menteri-menteri Kabinet, termasuk bekas Perdana Menteri yang pertama, Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj berganding bahu mengkritik dan menentang Kerajaan yang dipilih oleh rakyat majoriti, menguji ketabahan pimpinannya, ke tahap kesabaran yang luar biasa, menahan diri dari dinodai supaya mengguna kekuasaan yang sah, yang ada padanya bagi menyenyapkan pengkritik-pengkritiknya. Apakah ertinya? Ia bermakna, kita yakin bahawa rakyatlah yang akan menjadi hakim, yang akan membuat keputusan terakhir memilih di antara kebenaran dan fitnah. Itulah inti pati demokrasi sebenarnya. Penentangan Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku kepada Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad adalah satu irony sejarah yang sekali gus memaparkan kepada dunia betapa sihatnya amalan demokrasi di negara **ini**. Mungkin tanpa disedari perbuatan Yang Teramat Mulia Tunku

menjadi bukti dan simbol kesuburan dan kemantapan sistem demokrasi di Malaysia yang diasaskan oleh Yang Teramat Mulia Tunku sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda menyampaikan Titah Ucapan, Yang Teramat Mulia Tunku sedang sakit tenat dan beberapa jam kemudian menghembus nafasnya yang terakhir, meninggalkan kepada kita satu negara, satu sistem Kerajaan, satu sistem ekonomi dan sosial yang dinamik sebagai satu asas pembentukan bangsa Malaysia yang megah dan bermaruah.

Sebagai seorang anak Malaysia yang membesar dan didewasakan di kampus sebuah universiti tanahair pada penghujung tahun 60an serta menyaksikan peristiwa 13 Mei yang pahit itu, banyak sekali perkara-perkara yang terkilan di hati dan yang mengganggu fikiran mengenai peranan Yang Teramat Mulia Tunku ketika itu sehinggalah akhir-akhir ini. Tetapi tidak sesiapa pun dapat menafikan sumbangan Almarhum kepada Malaysia. Tunku mendapatkan kemerdekaan kepada kita, melahirkan Malaysia, mengalahkan komunis, menentang apartheid dan menyingkir Afrika Selatan dari Komanwel, mempelopori OIC dan mengasaskan kerjasama negara-negara Asia Tenggara, di samping kejayaan-kejayaan lain.

Tuan Yang di-Pertua, legasi Yang Teramat Mulia Tunku yang paling cemerlang yang ditinggalkannya ialah asas demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku sebagai salah seorang yang terpenting yang memainkan peranan menggubalkan Perlembagaan Malaysia yang kini menjadi tunjang yang teguh dan berwibawa bagi sistem pemerintahan negara telah berhempas pulas melalui amalan, syarahan dan penulisannya. Semua sistem yang asing ini dapat diterima dan bercantum subur dalam badan politik tradisi negeri-negeri Melayu. Konsep pemisahan fungsi dan kuasa antara institusi-institusi utama dalam sistem-sistem pemerintahan kita iaitu Raja Berperlembagaan, Parlimen, Eksekutif dan Kehakiman telah bersungguh-sungguh dipupuk dan dibaja oleh Almarhum tanpa mengira reaksi negatif dari pihak-pihak yang berkepentingan. Misalnya, siapakah yang boleh menegur dan mengajar Institusi-institusi Raja dengan bebas, menggariskan sempadannya dengan jelas tanpa disyaki mempunyai udang di sebalik batu.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman yang pahit yang dialami oleh kami di Kelantan yang menjunjung kedaulatan Perlembagaan negeri dan negara berhubung dengan fungsi institusi Raja dalam politik hendaklah dicari penyelesaian segera semoga dilema ini tidak akan melemahkan jantung politik tanah **air**. Dalam pilihanraya umum 1990 yang baru selesai dan untuk beberapa ketika sebelum itu, kita dapat rasai institusi yang sepatutnya berfungsi sebagai payung kepada semua rakyat Kelantan, tiba-tiba hilang sifat kekecualiannya dan membiarkan jari-jarinya menular ke dalam kancah politik memodal rakyat supaya berpihak-pihak, membenci puak tertentu melalui institusi-institusi di bawah naungan dan pengaruhnya secara langsung dan tidak seperti masjid dan pentadbiran negeri. Mengikut konsep Raja Berperlembagaan negara kita, Raja yang berdaulat adalah Raja

kepada semua rakyat, bukan kepada sebahagian sahaja. Bukan mengikut bulu, bukan mengikut keturunan, bukan mengikut fahaman politik, bukan mengikut kerabat, maka Raja yang berdaulat itu adalah Raja kami juga. Kami sayangkan kepada institusi Raja sebab itu kami mengabadikannya dalam Perlembagaan negara dan Perlembagaan parti kami.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Pilihanraya Umum 1990 yang baru selesai baru-baru ini, parti kami Barisan Nasional tewas teruk di Kelantan. Kami menerima keputusan rakyat itu dengan hati dan fikiran terbuka tetapi yang terkilan di hati kami ialah kekalahan itu disebabkan faktor-faktor termasuk elemen campur tangan pihak tertentu tadi yang mencemarkan proses politik yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan. Pencabulan kontrak sosial tidak boleh dibiarkan berpanjangan tanpa penyelesaian kerana hati yang luka sebahagian rakyat boleh mudarat menjadi barah yang terminal. Dalam konteks usaha meluruskan kembali fungsi institusi tertentu tadi yang telah herot kebelakangan ini, saya merasa nostalgik dengan peranan yang dimainkan oleh Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku berkait dengan masalah itu tetapi apa boleh buat, Allah s.w.t. lebih sayang kepadanya. Seruan supaya institusi itu dikembalikan ke atas landasan Perlembagaan telahpun dibuat oleh rakyat melalui UMNO yang mendukung konsep Raja Berperlembagaan melalui media-massa sebagai conscience rakyat, melalui Parlimen sebagai suara rakyat majoriti, mudah-mudahan yang terbabit akan mengambil iktibar dan urus kembali ke landasan yang telah ditetapkan dan dengan itu menjamin kesucian dan keluhuran Perlembagaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks yang sama, kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, baik sebagai institusi Raja Berperlembagaan yang tertinggi dan teragung di tanah **air**, mahupun sebagai seorang individu yang arif lagi berwibawa dalam hal perundangan dan Perlembagaan mempunyai peranan yang besar membimbing melalui teladan dan amalan semoga semangat asal dan tradisi fungsi institusi masing-masing tidak lagi mencerobohi sempadan yang telah ditetapkan. Kami yakin bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong peka dan prihatin kepada masalah ini dan kepada kebawah Duli Tuankulah kami menaruh harapan yang maha tinggi semoga bersama rakyat, kita akan menuju ke hadapan untuk menyertai barisan negara-negara maju sebagai sebuah negara demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan yang mantap.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung masalah Kelantan lagi, ia adalah diumpamakan nasi yang sudah menjadi bubur, Keputusan Pilihanraya Umum pada 21hb Oktober 1990 adalah satu titik sejarah yang perlu dipandang berat oleh semua pihak. Seimbab lalu, ramai akan beranggapan apa yang berlaku di Kelantan itu suatu yang remote, dengan izin, suatu yang jauh dari pandangan yang peculiar ataupun teristimewa pada negeri itu sahaja. Ia tidak mungkin berlaku di Johor, di Pahang, di Selangor atau Melaka. Benarkah? Kata seorang ahli sejarah, sesiapa yang tidak mempelajari dari sejarah pasti akan mengulanginya. Apa yang berlaku di Kelantan bukan kerana faktor kenegerian atau kedaerahan seperti ramai sangkakan atau kerana Tengku Razaleigh Hamzah kuat. Ia bukan semata-mata kerana campur tangan istana, ia lebih dari **itu**. Semenjak Barisan Nasional mengambil alih tampuk pemerintahan dari PAS pada tahun 1978, kita

telah berbudi dengan rakyat secara habis-habisan. Dalam masa 12 tahun berkuasa, kita telah membelanjakan hampir \$5 billion termasuk berhutang kepada Kerajaan Persekutuan dan institusi kewangan sebanyak \$760,000,000 untuk melaksanakan berbagai projek demi kesejahteraan rakyat. Dengan wang itu, kami telah mraembina sekolah-sekolah, sekolah rendah, menengah, maktab, universiti, sekolah Melayu, sekolah agama, sekolah Cina, mendirikan hospital, pusat kesihatan, klinik rakyat, membekalkan tenaga elektrik, **air**, telefon, membina jalan-jalan kampung, lebuh raya tetapi selepas 12 tahun, rakyat Kelantan membuat keputusan dengan nekad menolak kami secara membulat. Kenapa? Di mana salahnya?

Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional kalah kerana PAS dan Semangat 46 berjaya bekerjasama. Gabungan tenaga ini telah memperolehi 274,000 undi daripada 385,000 yang keluar mengundi iaitu 67.2%. Ini adalah menakjubkan. Kenapa? Mengikut prestasi masing-masing parti yang bertanding dalam pilihanraya umum 1982 dan 1986, PAS telah mendapat 46% undi dari yang keluar mengundi. Dalam pilihanraya umum 1990, kita tidak mempunyai alasan untuk menganggapkan undi PAS telah merosot, malahan kita khuatir ia telah bertambah. Kalaulah kita andaikan undi PAS kekal, statis pada tahap 46% seperti keputusan pilihanraya 1986, maka pada kali ini PAS mendapat 187,000 undi. Berapakah sebenarnya undi yang diperolehi oleh Semangat 46 pula? Mengikut bancian yang dibuat oleh jentera UMNO, ahli dan penyokong Semangat 46 di Kelantan tidak melebihi 40,000 orang sahaja iaitu 9.5%. Kita kenal siapa penyokong Semangat 46 kerana mereka asal penyokong UMNO. Gabungan undi PAS dan Semangat 46 ini ialah berjumlah 226,000 iaitu 55.5%. Jumlah ini telah memadai untuk mengalahkan Barisan Nasional sebenarnya tetapi kerana psikologi menang telah memihak kepada pihak pembangkang,

48,000 orang lagi yang terdiri dari orang-orang atas pagar, orang Cina dan Orang Asli hanyut bersama arus banjir itu menyebabkan undi yang diperoleh oleh APU berjumlah 274,000.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada fakta-fakta di atas, beberapa kesimpulan dapat dibuat.

Pertama, walaupun Barisan Nasional berkuasa, rakyat bebas mengundi. Maka keputusannya seperti yang jelas itu.

Kedua, rakyat sanggup mengenyepikan rekod khidmat Barisan Nasional dan kemajuan yang telah dicapai oleh Kerajaan Barisan Nasional selama 12 tahun.

Ketiga, kemenangan APU di Kelantan sebenarnya adalah kerana kekuatan PAS.

Keempat, dakwaan kekuatan Semangat 46, dengan itu kekuatan Tengku Razaleigh adalah metos semata-mata. Semangat 46 hanya berfungsi sebagai pengacau daun atau spoiler sahaja sepertilah Berjasa dalam Barisan Nasional dahulu, ia akan beransur-ansur lenyap dari kelihatan,

Punca kekalahan Barisan Nasional adalah banyak dan kompleks. Selain daripada masalah dalaman seperti masalah pengharaman dan perpecahan dalam UMNO yang melahirkan Semangat 46, masalah kepimpinan, organisasi dan keberkesanan pengendalian Kerajaan Negeri, faktor-faktor luaran juga memainkan peranan yang hebat bagi menghakiskan pengaruh Barisan Nasional. Faktor kenegerian yang disebutkan oleh banyak pihak adalah tidak tepat dan tidak benar. Penyokong PAS menyokong parti itu bukan kerana mereka berasal dari Kelantan. Penyokong Barisan pula menyokongnya adalah kerana percaya dan yakin dengan dasar dan perjuangannya. Orang Semangat 46 pula kerana kecewa dan taksab dengan seorang pemimpin yang gila

kuasa dan orang atas pagar mengikut arus. Mana ada semangat kenegerian? Yang mungkin wujud ialah suatu kemegahan orang Kelantan seperti *the Irish's pride*.

Di atas rasional yang sama, maka faktor istana dalam kekalahan Barisan Nasional bukanlah merupakan faktor mutlak, tetapi lebih merupakan faktor penyumbang sahaja. Kenapakah kita harus memberi kredit yang terlalu tinggi kepada faktor ini yang hanya akan membesarkan egonya sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, di antara faktor-faktor luaran yang perlu perhatian yang berat dan serius ialah kekuatan PAS. Kekuatan ini bertunjang di atas sikap prejudis yang amat ekstrim pengikut-pengikut PAS terhadap semua yang dianggap sebagai berlawanan dengannya. Sikap ekstrim ini menjadi benteng untuk menyekat sebarang pengaruh dari meresapi ke dalam psychic pengikut PAS. Kesempitan sikap ini pula melahirkan unsur-unsur kefanatikan dan ketaksuban yang tebal dan ekstrim yang amat sukar hendak ditembusi. Sikap ini pula dibina di atas keyakinan yang kuat kepada kepimpinan yang dianggap terdiri dari para ulama yang tulen yang seolah-olah bersifat maksum. Maka sebarang pandangan, arahan dan tindakan adalah dianggap benar belaka. Bermula dari asas ini, pengikut PAS dirasuk pula dengan dakyah fitnah dan maklumat yang diputarbelitkan sehingga segala-gala yang dilihat dari kaca mata PAS ini harrowed dan distorted secara ekstrim. Berlandaskan persediaan secara mental ini pengikut PAS ditanamkan dengan satu kebencian yang mendalam terhadap pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mahathir Mohamad dan Kerajaan Barisan Nasional pimpinannya, Strategi ini menjadi credible kerana Semangat 46 pula menjadi alat untuk membuka

pekung di dada. Kerana benteng prejudis ini tebal dan tidak dapat ditembusi, kita tidak dapat menyampaikan maklumat atau pandangan yang benar dan betul. Trend ini merbahaya. Bagi menguatkan lagi prejudis terhadap segala-segala Barisan, pemimpin-pemimpin PAS mengajar pengikut mereka tidak menghormati pemimpin-pemimpin Barisan, terutamanya dari UMNO serta majlis-majlis Barisan. Misalnya sikap PAS di dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu. Tunggu sahaja apa akan berlaku dalam Dewan Rakyat nanti apabila mereka yakin sedikit dengan diri masing-masing. Dalam taktik ini, sikap mereka adalah sejajar dengan tindak tanduk pemimpin-pemimpin DAP yang juga bersikap kurang ajar dalam Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang kerana hendak menunjuk dan mengajar rakyat supaya tidak menghormati dan tidak perlu takut kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan. Malahan akhir-akhir ini, kalau kita membuat kajian secara mendalam, tindak-tanduk pembangkang termasuk dalam risalah-risalah rasmi mereka, kita akan dapati satu pola tindakan yang sama oleh semua pihak yang menentang establishment, semacam didalangi dan diokestrakan. Tujuan mereka adalah jelas iaitu menanam psikologi benci dan tidak hormat dan dengan secara itu menghakiskan keyakinan rakyat kepada Kerajaan. Tindakan liar pengikut PAS di Terengganu dan DAP semasa protes Tol di Cheras adalah manifestasi awal rangsangan untuk menimbulkan defiance dan huru-hara. Awasilah strategi halus ini. Ia amat merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, grand design pembangkang untuk menghakis dan akhirnya menumbang Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya besar di Kelantan dalam Pilihanraya Umum 1990 yang baru selesai. Di Kelantan dan Terengganu PAS mulai bertapak. Di Pulau Pinang DAP

nyaris-nyaris menang dan di Sabah PBS bermain api anti-Persekutuan. Rakyat mesti disedari bahawa perkembangan ini bukanlah perkembangan yang sihat. Bukan menunjuk ke arah pembentukan satu alternatif ataupun pengalihan sistem dwi-parti yang dilaung-laungkan oleh perabangkang dan media-massa Cina. Ini adalah resepi ketidakstabilan, yang sedang berlaku sekarang ialah satu pola - polarisasi yang lebih kompleks. PAS dengan ideologinya, DAP dengan gagasan Malaysian Malaysianya dan PBS dengan kedaerahannya, Semangat 46 pula adalah parti hanyut tanpa ideologi, tanpa haluan, tanpa idealisme, parti orang-orang sesat dan orang kecewa, parti mercenary yang sanggup menggadai kawan dan maruah asalkan mencapai kepuasan nafsu dendam kesumat. Bagaimanakah parti politik yang amat berbeda pendirian dan haluan ini boleh memejamkan mata masing-masing dan mengikat satu pakatan yang sudah pasti tidak mungkin akan kekal dan berjaya. Walaupun mereka tidak ada dasar dan program bersama yang berdaya maju, sebilangan yang agak besar juga dari kalangan rakyat Melayu di Kelantan dan rakyat keturunan Cina umumnya terpedaya dengan janji-janji dan tohmahan-tohmahan mereka sehingga negeri Kelantan jatuh ke tangan PAS dan Pulau Pinang hampir kecundang.

Trend ini sekiranya dibenar menular lebih jauh, ia akan membawa kepada satu situasi politik yang tidak menentu di mana tidak ada satu parti politik pun yang dominan untuk menjadi tunjang atau teras bagi mana-mana pakatan untuk menubuh sebuah Kerajaan yang teguh dan berkesan. Dalam keadaan itu, hubungan antara parti politik adalah seperti di India sekarang di mana survival sebuah kerajaan itu bergantung kepada tawa-menawar, kompromi demi kompromi. Dalam keadaan sedemikian, mana-mana kerajaan pun tidak akan berfungsi kerana masa

akan dihabiskan berpolitik. Kebajikan rakyat sudah pasti akan terabai dan terkorban, yang akhirnya akan menimbulkan perasaan tidak puas ,hati rakyat yang akan pula membawa kepada ketidakstabilan. DAP, Semangat 46, PAS dan puak-puak anti-establishment mahu suasana ini wujud kerana ingin membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak stabil supaya masing-masing dapat menanggung di air keruh demi kepentingan objektif masing-masing. Jelaslah tujuan mereka bukan kebajikan rakyat tetapi diri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mendedahkan komplot ini serta implikasinya kepada kestabilan politik tanahair dan masa depannya. Dalam Pilihanraya Umum yang sudah, ramai kaum Cina meninggalkan Barisan Nasional kerana tertarik dengan janji-janji Gagasan Rakyat terutama prospek kemenangan dengan harapan menubuh sebuah Kerajaan alternatif yang bakal dipimpin oleh seorang Melayu keturunan Raja yang liberal seperti Almarhum Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putra Al-haj.

Pemimpin-pemimpin Semangat 46 sanggup menjanji gunung kepada kaum Cina asalkan ia mendapat undi mereka. Yang lebih berkesan lagi ialah dia sanggup meng'ia'kan dasar DAP dan dengan itu buat pertama kali meng sahkan dasar DAP oleh seorang Melayu yang dianggap mempunyai pengaruh di kalangan masyarakatnya. Tengku Razaleigh di julang oleh masyarakat Cina di mana sahaja beliau pergi. Beliau seronok sungguh-sungguh dengan sanjungan itu. Masyarakat China nyata tidak faham dengan perkembangan pemikiran masyarakat Melayu. Tengku Razaleigh bukan melambangkan masyarakat Melayu akan datang. Beliau adalah simbol "specei" Melayu feudal yang kian lenyap. Masyarakat bukan Melayu, terutamanya kaum Cina hendaklah mengikut dan memahami aliran utama pemikiran masyarakat Melayu sekarang dan di hari muka yang akan bersaing hebat di antara satu sama lain, iaitu aliran Islam fundamentalist yang dikepalai oleh PAS dan Islam progresif yang diperjuangkan oleh UMNO,

Masyarat Melayu yang tidak menyertai secara united kepada mana-mana salah satu aliran ini adalah masyarakat Melayu pinggiran yang hanyut mengikut arus seperti Semangat 46. Apabila masyarakat Cina meninggalkan Barisan Nasional untuk menyokong Semangat 46, PAS di Kelantan atau DAP mereka telah membuat perhitungan yang salah lagi sia-sia. Orang Melayu tidak menyokong Semangat 46 kerana ia bukan salah satu aliran pemikiran utama tadi. Kalaulah masyarakat Cina mengharapkan Semangat 46 membekalkan komponen Melayu kepada Kerajaan alternatif yang difantasikan mereka, maka itu adalah satu mimpi yang 'obsolete', di sebaliknya experimentation (eksperimentasi)

ini menyebabkan masyarakat Cina terus mempunyai perwakilan yang lemah dalam Kerajaan, kerana bukan sahaja bilangannya kecil, tetapi, dimenangi pula dengan undi Melayu di kawasan-kawasan campuran, dengan izin, mix constituencies. Nampaknya masyarakat Cina lupa pada pesan orang-orang tua Melayu bahawa "kalau terdengar guruh di langit jangan cepat membuat air yang sedia ada di dalam tempayan".

Sungguhpun perjudian adalah budaya masyarakat Cina, tetapi janganlah hingga memperjudikan kepentingan kita bersama dalam masyarakat majmuk. Kepada media massa Cina saya merayu supaya hakikat ini difahami dan disebar luas demi kestabilan politik tanah-air dan kesejahteraan masyarakat China sendiri di masa hadapan. Berdasarkan realiti ini, bagi masyarakat bukan Melayu dan kaum bumiputera bukan Islam di Sabah dan Sarawak yang tidak berpuas hati dengan Barisan Nasional serta berhasrat atau bercita-cita untuk menubuhkan barisan alternatif yang berdaya maju, mempunyai hanya dua pilihan sahaja iaitu memilih salah satu aliran Melayu tadi untuk melengkapkan syarat komposisi alternatif itu. Mereka mesti memilih di antara fundamentalist yang dikepalai oleh PAS ataupun yang progresif yang dikuasai oleh UMNO, Semangat 46 tidak viable.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ialah sebuah negara bertuah yang dicucuri rahmat oleh Allah s.w.t. sepanjang masa. Dengan keredaan Allah s.w.t. juga Kelantan jatuh semula ke tangan PAS. Dengan itu, kita akan berpeluang untuk membuat perbandingan dan penilaian apakah PAS benar-benar mampu dan layak menjadi rakan kongsi yang praktikal dalam satu pakatan alternatif kepada Barisan. Apakah Islam jenama

PAS ini sesuai di Malaysia? Islam bukan monopoli PAS, ia hak manusia sejagat. Dua bulan selepas menguasai semula Kelantan, ternyata kepada kita semua bahawa PAS tidak sedia dan tidak bersedia untuk memerintah Kelantan. PAS mendakwa akan menubuhkan satu sistem pemerintahan Islam, tetapi rupa-rupanya rangka pemerintahan pun belum ada. Hanya wujud di peringkat idea sahaja. PAS baru bercadang akan menjemput pakar-pakar Islam dari seberang laut, terutama dari Timur Tengah untuk membantunya.

Ini adalah memalukan Islam, kerana ia memberi gambaran kepada masyarakat bukan Islam, seolah-olah kita orang Islam belum lagi mempunyai satu model pemerintahan Islam, hanya baharu di peringkat eksperimentasi sahaja. Falsafah dan teori bentuk pemerintahan sudah ada dengan lengkap, yang diperlukan dalam konteks Malaysia ialah bagaimana hendak dipraktikkan. Apakah yang telah dan sedang diamalkan di Malaysia sekarang bertentangan secara total dengan prinsip pemerintahan Islam, yang memerlukan perubahan yang total pula? Apakah pelaksanaan prinsip-prinsip Islam secara evolusi oleh Barisan Nasional tidak betul dan tidak boleh dipakai? Apakah kami orang-orang Islam yang yakin dengan pendekatan sederhana ini salah dan kufur? Tetapi nampaknya berdasarkan kepada pengumuman setakat **ini**, Kerajaan PAS Kelantan hanya menggembar-gemburkan perkara-perkara remeh sahaja. Apakah PAS akan mengubah dan mengganti segala-gala yang ditinggalkan oleh Barisan Nasional di Kelantan atau hanya sekadar menokok tambah sahaja, demi untuk menidak-nidakkan pencapaian Barisan Nasional dalam mengamalkan prinsip-prinsip Islam, PAS akan sanggup membuat apa sahaja. Saya rasa PAS akan menjadikan Kelantan satu makmal untuk eksperimentasi Islam jenama PAS. Kita semua tunggu sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua, apakah harus Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan memberi kerjasama kepada Kerajaan PAS di Kelantan. Apakah demi persaudaraan Islam dan sesama Melayu kita harus melupakan sahaja perbezaan di antara pendekatan PAS dan Barisan? Saya berpendapat Kerajaan Pusat boleh bekerjasama dengan syarat PAS mengakui bahawa Islam bukan monopoli PAS sahaja dan bahawa pendekatannya bukanlah yang mutlak. Pendekatan UMNO pun diharuskan. Dalam konteks ini PAS mesti sanggup menggugurkan jenama ISLAM padanya, supaya tidak lagi mengelirukan rakyat. Dengan cara ini kita akan dapat bersaing dengan sihat untuk meyakinkan rakyat Malaysia pendekatan alternatif manakah yang lebih sesuai untuk masyarakat Malaysia yang sedang berubah menjadi masyarakat perindustrian dan teknologi ini diambang kurun yang ke 21 ini. Islam membenarkan perbezaan pendapatan dan pendekatan. Pintu ijtihad dalam Islam tidak pernah ditutup, sebab itulah Islam dinamik sesuai untuk semua zaman. Para ulama tulen sekarang mesti berani tampil hadapan untuk memainkan peranan mereka bagi mengangkat dan meletakkan Islam di atas dimensi baru sesuai dengan era teknologi tinggi dan ilmu yang canggih serta kompleks. Para ulama haruslah mampu membuktikan ketrampilan Islam menghadapi cabaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengambil masa yang agak panjang untuk meninjau alam politik sekarang dan di hari muka sesuai dengan Titah Ucapan ke bawah Duli yang telah menyeru kepada umat Islam supaya berpegang teguh kepada ajaran Islam berpandukan al-Quran dan sunnah Rasullullah s.a.w, Saya tidak berniat untuk memanjangkan lagi ucapan saya **ini**, sebab saya yakin rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain akan pula menghujahkan perkara-

perkara lain.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan, wabillahi-taufik. Asslammualaikum-warahmatullahi-wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Chong Chi Siong.

5.09 ptg.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi satu peluang yang begitu baik dan begitu mulia kepada saya untuk mohon menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator kawasan saya, Senator Hassan Harun bagi Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda yang telah dilafazkan dalam Dewan ini pada masa membuat Penggal Pertama, Parlimen Kelapan.

Dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh berbagai bidang mahupun dalam sosio-ekonomi, pilihanraya, kadar kemiskinan, pembangunan, sukan dan sebagainya. Pandangannya yang begitu jauh dan visi yang begitu luas itu telah jelas menunjukkan. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, bukan sahaja seorang pakar kehakiman, bahkan seorang pucuk pemimpin yang monopoli berbagai bidang, mempunyai pengetahuan yang tinggi.

Kita seluruh rakyat Malaysia sepatutnya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan menjunjung kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia yang merupakan satu pedoman kepada bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan yang mulia ini meminta izin untuk mengucapkan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah dan keluarganya atas kemangkatan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Tuan Yang di-Pertua, Almarhum Tunku....

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Ucapan takziah ya?

Tuan Chong Chi Siong: Ucapan takziah. Bukan sahaja seorang negarawan ulung, bahkan sebagai lambang perpaduan negara. Almarhum Tunku sudi mengenyahkan kekayaan dan kemewahan seorang putera Raja demi untuk memperjuangkan keadilan, kebebasan, keamanan dan akhirnya kemerdekaan negara. Almarhum Tunku sentiasa berpegang teguh kepada kepercayaan bahawa semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum atau

keturunan adalah sama di sisi Tuhan dan undang-undang negara. Oleh itu mereka harus diberi layanan dan perhatian yang saksama. Rakyat yang berbilang keturunan berhak merasa kekayaan dan kemewahan negara.

Bagi masyarakat China khasnya dan rakyat Malaysia amnya, Almarhum Tunku adalah seorang pemimpin negara yang baik hati, tetapi tegas, saling hormat-menghormati, kasih sayang dan sentiasa mementingkan keamanan serta perpaduan rakyat daripada kepentingan dirinya sendiri. Sifat Almarhum yang sederhana, liberal, adil dan sentiasa menjaga kepentingan semua rakyat, tanpa mengira latar belakang dan keturunannya patutlah dijadikan teladan.

Di peringkat antarabangsa Almarhum Tunku merupakan salah seorang pengasas bagi penubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN). Almarhum Tunku juga mempunyai pandangan jauh sejak awal lagi tentang pentingnya mewujudkan pertubuhan ekonomi Asia untuk memperkukuhkan, dan melindungi kedudukan serta kepentingan negara yang sedang membangun di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting bagi kita rakyat Malaysia untuk meraberi penghormatan kepada Almarhum Tunku ialah terus mengingati jasa-jasa Almarhum, memahami hasrat dan impian Almarhum supaya kita semua bersama-sama membina sebuah negara yang maju, aman dan bersatu-padu, semoga Tuhan akan melimpahkan rahmatnya ke atas roh Almarhum, mudah-mudahan keluarga Almarhum akan bersabar atas pemergiannya dan sentiasa berada dalam keadaan sihat sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, syukur kepada yang maha Esa kerana dengan limpah kurnia dan iziNya kita bersama-sama telah dapat menjalankan

pilihanraya umum secara aman dan teratur. Usaha dan kecekapan pihak Suruhanjaya Pilihanraya dan Polis Diraja Malaysia menjalankan tugas mereka semasa pilihanraya umum baru-baru ini harus diberi penghargaan oleh Dewan ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad kerana di bawah pimpinan beliau, Barisan Nasional sekali lagi mendapat mandat lebih 2/3 di Dewan Rakyat dan terus membentuk Kerajaan.

Kejayaan Barisan Nasional pada kali ini telah membuktikan kematangan pengundi dan juga menyuarakan hasrat hati mereka. Walaupun peranan Barisan Nasional kurang baik di negeri Kelantan dan Pulau Pinang, tetapi kita sudah cukup jelas bahawa pengundi iaitu rakyat tidak lagi menerima kata-kata, janji-janji atau hujah-hujah yang manis di mulut sahaja. Rakyat ingin melihat keamanan dan kebahagiaan yang berasaskan pembentukan sosial, budaya, masyarakat, tradisi, di samping itu diberi lebih banyak peluang untuk menunjukkan kesungguhan dan pengorbanan mereka kepada negara yang dicintai ini. Pengundi di kawasan bandar mulai mengubah dan memberi sokongan kepada Kerajaan, contohnya kemenangan Barisan Nasional di Parlimen Rasah dan Seremban yang selama ini dikatakan kubu Pembangkang.

Pada hemat saya mesej yang disampaikan oleh pengundi ini cukup jelas, iaitu mereka inginkan lebih banyak peluang berkhidmat dengan Kerajaan, khasnya dalam jentera pentadbiran negara, angkatan tentera, mewakili negara di peringkat antarabangsa dan seterusnya

mempunyai kebebasan dalam membentuk satu budaya berilmu, agama dan kesejahteraan hidup. Hasrat ini tidak melampaui batasan, sebaliknya membentuk dan membela maruah bangsa Malaysia yang berbilang kaum itu.

Saya percaya Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberi perhatian yang serius dalam perkara ini serta satu rancangan penyusunan masyarakat yang menyeluruh demi menawan balik negeri Kelantan dan Pulau Pinang pada pilihanraya umum yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, tahun ini merupakan tahun akhir tempoh Rancangan Malaysia Kelima dan sepanjang masa ini Keluaran Dalam Negara Kasar telah meningkat daripada 19.7% pada tahun 1985 kepada lebih kurang 26% pada tahun 1990. Sejak itu Kerajaan Barisan Nasional telah dapat menurunkan kadar kemiskinan sebanyak 50% pada tahun 1970 kepada 15% tahun 1990 dan jumlah pengangguran juga adalah dalam tahap yang rendah sekali.

Pada tahun 1991 kita melangkah ke dalam Rancangan Malaysia Keenam, dalam hubungan ini saya amat berharap pihak Kerajaan dapat memasukkan yang dahulunya dikenali sebagai Kampung Baru ke dalam arus pembangunan negara yang lebih pesat.

Saya menyokong perkataan 'baru' dihapuskan ke atas penempatan yang telah dimulakan semenjak darurat dahulu kerana ianya tidak sesuai lagi mengikut peredaran masa. Dengan pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kampung yang terletak dalam pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan akan dijaga oleh Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah berkenaan.

Di negara ini terdapat banyak Kampung Baru yang masuk dalam kawasan Majlis atau Majlis Daerah, Saya ingin mencadangkan di sini supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menimbang meletakkan seorang pegawai kanan khas untuk menjaga Kampung Baru. Ini kerana peruntukan untuk Kampung Baru ini akan disalurkan melalui Majlis Perbadaran atau Majlis Daerah, jika terletak dalam kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan. Di Pejabat Daerah terdapat seorang Pegawai Kemajuan Perkampungan yang menjaga hal-ehwal Kampung Baru dan inilah yang patut diamalkan oleh Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah.

Negara ini juga menikmati perpaduan kaum yang kuat hasil dari usaha yang dijalankan selama ini. Dalam hal ini saya ingin menarik perhatian kawan yang mulia ini ke atas kakitangan berbagai kaum terutama di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Pada masa ini didapati komposisi kakitangan di Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah tidak mencerminkan komposisi kaum yang ada di negara ini. Saya menggesa Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah menimbang kemasukan kaum Cina dan India semasa pengambilan kakitangan baru. Ini amat penting kerana penduduk Pihak Berkuasa Tempatan terdiri daripada 55% bumiputera dan 45% bukan bumiputera. Namun begitu, komposisi kakitangan bukan bumiputera di Majlis Perbandaran, Majlis Daerah tidak pun melebihi satu peratus. Perkara ini harus diambil tindakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mengeluarkan satu arahan khas kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan mengenai hal ini.

Saya rasa permohonan ini tidak melampaui batasan, sebaliknya akan meningkatkan lagi prestasi dan mutu kerja Pegawai-pegawai Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Selain daripada membayangkan Kerajaan Barisan Nasional dalam iklim pekerjaan bahkan menimbulkan lagi minat bersaing antara pegawai-pegawai untuk menunjukkan sikap cekap, bersih dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubungan dengan kampung-kampung rekaan bekas jajahan British, saya masih tidak begitu puas hati dengan struktur dan ruang pembangunannya. Pada masa ini kampung yang

dahulunya dianggap baru tetapi kini lebih berbentuk kawasan setinggan, khasnya di sekeliling Bandaraya Kuala Lumpur dan bandar lain di Semenanjung. Keadaan ini boleh menjejaskan imej negara dan pemandangan pembangunan bandar. Oleh itu, saya meminta agar Kerajaan akan mengeluarkan suatu rancangan induk yang menempatkan semula semua kampung rekaan jajahan British ini ke tempat yang lebih sesuai. Ini boleh dilakukan dengan mengadakan rancangan tanah penempatan di bandar satelit, pembukaan tanah terbiar dan lain-lain projek penempatan. Penyusunan penempatan ini akan dapat merapatkan lagi perhubungan silaturrahim dan integrasi kaum. Seterusnya ia akan mengeratkan perpaduan kaum serta, memperkukuhkan Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara telah berkembang dengan pesatnya dan kadar pertumbuhan melebihi 9%. Ini merupakan pencapaian yang amat dibanggakan kerana dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak tetap dan masalah krisis Teluk. Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato¹ Seri Dr. Mahathir bin Mohamad masih dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan penghargaan atas kegigihan dan visi yang jauh Kerajaan dalam mengatasi pergolakan ekonomi dunia yang dipengaruhi oleh kenaikan harga minyak. Salah satu langkah Kerajaan yang bijak dalam membawa kejayaan ini adalah sistem penswastan Kerajaan. Pada hemat saya penswastan ini amat baik kerana bukan sahaja kini Kerajaan dapat menarik pemaju-pemaju dan peniaga-peniaga awam turut melibatkan diri dalam perkhidmatan, bahkan memberi peluang orang ramai turut sama dalam mengatasi

masalah-masalah negara. Bagi pihak Kerajaan, penswastaan ini merupakan langkah jimat cermat dan beban Kerajaan dalam menyediakan kemudahan asas negara.

Selain dari itu dengan penswastaan ini perkhidmatan yang diberi adalah baik dan mutu kerja juga adalah lebih tinggi. Contohnya kecekapan TEN dan Telekom dalam pemasangan atau mengutip bilnya. Berkaitan dengan kecekapan ini, ingin saya memohon pengurusan dan perkhidmatan pada Majlis Perbandaran dan Daerah dapat dipertingkatkan lagi. Perkembangan yang pesat dalam bandar akan menarik lebih ramai penduduk ke bandar. Justeru itu lebih banyak peluang perniagaan dapat dijalankan. Penjaja kecil mulai tumbuh, seperti cendawan selepas hujan di sekitar bandar, taman-taman perumahan dan kawasan perkilangan. Perkembangan penjaja kecil ini haruslah dipupuk dan digalakkan tetapi dalam kawalan. Pihak Perbandaran atau Daerah belum menyediakan tempat yang lebih selesa dan sesuai untuk peniaga ini. Gerai-gerai Kerajaan yang terbiar perlu diambil kembali dan serah kepada penjaja yang ingin menjalankan perniagaan, tambahan gerai ini perlu diselaraskan dengan tambahan permohonan perniagaan sesuatu kawasan itu. Selain itu pengeluaran lesen penjaja harus dilonggarkan supaya mengelakkan wujudnya perniagaan penjaja haram.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha meningkatkan kualiti hidup, Kerajaan telah mempergiatkan usaha membentuk budaya membaca. Perpustakaan-perpustakaan Awam telah didirikan dalam setiap daerah dan kanak-kanak diberi semua kemudahan supaya dapat meningkatkan ilmu pengetahuannya. Kepintaran dan cerdas akal tidak terbatas dari segi bahasa tetapi lebih kepada kefahaman, kegigihan ketekunan dan usaha dalam mengkaji serta menghafal sesuatu ilmu itu. Bahasa boleh

menjadi pengantar atau hubungan tetapi tidak bermakna akan menjejaskan pencapaian dan prestasi individu, Sebagai contoh kepintaran seekor kucing menangkap tikus, tidak semata-mata bergantung kepada kuku kakinya, tetapi lebih kepada kesabaran menunggu mangsa dan latihan tubi yang cukup dalam kegiatan menangkap tikus ini.

Tuan- Yang di-Pertua, contoh tadi boleh kita kaitkan dengan isu murid-murid yang mendapat cemerlang 6A di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan memasuki Tingkatan 1 di sekolah menengah. Saya rasa murid cemerlang ini harus dinaikkan ke Tingkatan 1, sekurang-kurangnya sebagai ganjaran kepada mereka atas usaha dan kerajinan mereka dalam pelajaran mereka. Masalah bahasa memang wujud tetapi tidak bermakna murid-murid ini tidak faham Bahasa Malaysia dan fakta serta ilmu yang akan disampaikan di kelas oleh guru-guru mereka. Sekiranya mereka faham maka ilmu atau maklumat telah sampai ke dalam otak murid dan atas usaha serta tekun murid ini maka dia dapat mencapai kecemerlangan dan setanding dengan pelajar-pelajar lain dalam kelasnya sana ada dalam bahasa atau matapelajaran akademik yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, tiba masanya Kerajaan memikirkan konsep, dengan izin, open universiti atau universiti terbuka. Pendidikan pada tahun 50an merupakan kesulitan kepada ibu bapa, maka Penyata Razak mewajibkan semua kanak-kanak masuk ke sekolah rendah. Pada tahun 60an dan 70an pendidikan merupakan kemahiran dan sijil untuk mendapat kerja. Pihak Kerajaan pada masa itu menyediakan sekolah-sekolah vokasional dan maktab latihan kemahiran dan pada tahun 80an dan 90an ini pendidikan adalah keperluan hidup dan pendidikan seumur hidup. Oleh itu, konsep universiti terbuka perlu ditumpukan supaya rakyat yang ingin menambahkan pengalaman, pengetahuan dan kemahiran boleh dipelajari tanpa masuk ke universiti, maktab atau institusi. Konsep itu juga membenarkan sesiapa sahaja memasuki sesuatu institusi tanpa melalui sekatan umur, akademik, latarbelakang atau bahasa, tetapi memenuhi syarat kemasukan peperiksaan. Keputusan peperiksaan ini bukan sahaja sijil akademik, tetapi lebih kepada pengiktirafan, kemahiran dalam sesuatu bidang yang diminati itu. Saya percaya sistem open university ini, dengan izin, akan memberi cabaran dan penyelidikan yang lebih hebat dalam pendidikan seumur hidup.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih, tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad atas kejayaan Barisan Nasional dalam Pilihanraya Umum baru-baru ini. Saya berdoa agar Tuhan terus memberi daya dan kepintaran kepada kita untuk bersama-sama membangunkan negara ke arah keamanan dan kebahagiaan.

Dengan itu, saya mohon untuk menyokong usul ini. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Tuan Hassan bin Harun. Masalah di hadapan Majlis ialah bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan. Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kebawah Duli kerana Titah kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelapan."

dan terbuka untuk dibahas. Sebelum pada **itu**, saya ingin mengingatkan bahawa di antara hujah-hujah yang dikemukakan di dalam ucapan Diraja ialah soal-soal berkait dengan keluarga, politik, tempatan, antarabangsa, dengan izin iaitu sharing and caring ataupun dalam Bahasa Malaysia dipanggilkan masyarakat ataupun rakyat bertimbang rasa, soal kewangan dan juga sukan.

Dalam usul yang di bawa oleh Tuan Hassan Harun tadi, kita tahu banyak tertumpu kepada soal-soal politik di Kelantan dah juga kita dengar ucapan daripada Tuan Chong yang banyak bertumpu kepada sesuatu hal yang khusus.

Jadi, saya harap perbahasan ini kita luaskan kepada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Ya, Puan Aion.

5.35 ptg.

Paan Aion binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama ucapan tahniah kerana Yang Berhormat telah dipilih antuk pengerusi Persidangan kita sementara Tuan Yang di-Pertua kita ada

halangan atau mungkin ada sesuatu yang perlu dibereskan. Tahniah kerana beliau orang yang sesuai dan memang diyakini kebolehannya .

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bangun untuk bersama-sama membahaskan usul yang di hadapan Dewan iaitu usul mulia yang **ber-**bunyi: Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia d dalam Persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak syukur dan menjunjung kasih kebawah Duli kerana Titah kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelapan;"

Tuan' Yang di-Pertua, sesungguhnya ucapan **Duli** Tuanku pada kali ini, Titah Ucapan kebawah Duli dalam perasmian Penggal Pertama Parlimen lalu sepertimana yang telah disyorkan oleh pembawa usul dan kemadian diikuti oleh penyokongnya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru sebentar tadi bercakap, memang sesungguhnya rakyat jelata juga Ahli-ahli Dewan Negara ini dan bagi saya sendiri khas ingin merafakkan sembah menjunjung kasih di atas ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku, yang merangkumi semua aspek daripada rakyat jelata hinggalah sampai kepada perkara-perkara ke negaraan dan merangkumi juga aspek-aspek yang melibatkan penglibatan negara kita, suasana di peringkat antarabangsa semasa , dan juga beberapa pandangan jauh Baginda terhadap pembangunan dan penyertaan negara kita, di dunia, dalam meninggikan taraf ekonomi, dalam meninggikan maruah, darjat dan dalam menentukan bahawa Malaysia juga boleh mengambil peranan

yang aktif dan penting di Bangsa-bangsa Bersatu menstabilkan dunia terutamanya negara-negara yang masih tertindas yang sedang membangun termasuklah dasar apartheid yang kita sama-sama kutuk dan benci itu .

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah dititahkan oleh Duli Baginda Tuanku di dalam Titah Ucapan Diraja ini , umpamanya di muka 4, di mana Duli Baginda telah menyentuh mengenai penubuhan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya, Titah Ucapan ini telah melegakan perasaan ramai rakyat terutama mereka yang telah menjadi alat eksploitasi daripada penyalahgunaan kuasa dan hak, penyalahgunaan hak-hak yang diberikan kepada pedagang-pedagang atau kepada peniaga-peniaga. Saya tertarik hati benar denean Titah Baginda yang menyebut bahawa Kementerian ini akan merancang dan menggubal dasar bagi mempergiatkan lagi pertumbuhan perdagangan dalam negeri serta melindungi kepentingan pengguna-pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat di negara kita ini beberapa perkembangan kemajuan dalam hal ehwal perdagangan yang melibatkan yang terasnya adalah dari pengguna-pengguna. Tetapi banyaklah tipu muslihat dalam perdagangan-perdagangan, dalam perniagaan-perniagaan ini yang telah mengorbankan rakyat jelata, terutama mereka yang dari pendalaman atau yang kurang tinggi pengetahuannya mengenai hak-haknya sebagai pengguna. Sebagai satu contoh yang terakhir dan di depan mata kita ialah mengenai eksploitasi dan penjualan iklan besar-besaran air galian atau mineral water. Setelah ianya diestablishkan , rakyat merasa lega kerana dengan ini mereka dapat membeli sejenis air yang kononnya dari air galian yang berkhasiat tinggi, yang boleh menentukan buah pinggang berfungsi dgn baik, tidak mengandungi kuman, mengandungi unsur-unsur galian yang boleh membina tubuh badan dan lain-lain.

Maka media massa kita pun turut menerima iklan-iklan berkenaan, memperlihatkan betapa air galian ini satu minuman rakyat yang murah dan berkhasiat. Tetapi baru-baru ini setelah rakyat berjuta meminum air berkenaan, setelah ramai yang membeli dan menghabiskan wang kerana inginkan khasiat yang baik didapati penjualan, perniagaan ini sebenarnya satu tipu muslihat di mana mereka hanya menggunakan air telaga, air paip yang dibubuh jenis-jenis ubatan klorin yang berwarna biru dan kelihatan air itu kebiru-biruan, tetapi ada di antara air itu rasanya pahit, rasanya payau dalam bahasa Melayu iaitu rasa yang tidak enak dan didapati mengandungi kuman-kuman, tidak bersih dan mudharat kepada kesihatan,

Tuan Yang di-Pertua, mohonlah saya kepada Kementerian baru ini sila bertindak cergas, peka dan bersungguh-sungguh untuk melindungi pengguna-pengguna di Malaysia ini, terutama di kalangan wanita. Malangnya bagi kami wanita-wanita kerana ada kala-kalanya kami mudah terpengaruh dengan iklan warna-warni, pelbagai dan kerana ingin menjimatkan perbelanjaan mungkin, kami akan tertawan dengan tipu muslihat pedagang-pedagang ini, bukan sahaja dari segi air galian, tetapi juga jenis-jenis pemakanan, jenis pakaian, jenis-jenis kegunaan rumahtangga, begitu juga termasuk di dalam jenis-jenis perniagaan yang lain yang mempunyai unsur-unsur ekonomi atau pulangan.

Satu daripada contohnya, jual murah. Tahun yang lalu telah dikuatkuasakan bahawa pihak Penguatkuasa daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, yang sekarang ini sudah ditukar nama jadi dua, satu luar negeri dan satu dalam negeri, akan mengambil tindakan keras dengan tipu muslihat **ini**, namun perkara ini berjalan

terus terusan dan terus dapat menipu secara halus kepada pengguna-pengguna.

Mengenai bahan-bahan makanan tin umpamanya, mengenai had-had masa untuk sesuatu jenis makanan yang ditinkan atau dipakejkan, dibungkuskan, jenis-jenis makanan yang berbentuk biskut, roti dan lain-lain, masa yang ditentukan itu tidak siapa yang tahu sama ada ia wujud benar atau tidak. Tarikh berakhir pada 14.9.90 umpamanya, kadang-kadang terdapat tarikh itu apabila sampai masanya ditukar sahaja label tambah sahaja dua bulan, tiga bulan lagi makanan berkenaan sudah mula tidak boleh lagi dimakan.

Kita tidak menyalahkan pihak Kerajaan sahaja. Mustahil penguatkuasaan boleh mengikuti setiap jenis jualan-jualan, terutama makanan-makanan, tetapi eloklah diberikan bimbingan, panduan, diadakan beberapa rancangan-rancangan penerangan, penyebaran yang bersungguh-sungguh bukan melepaskan batuk ditangga sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kepada semua rakyat jelata. Persatuan Pengguna, syabas, ada yang cergas, ada yang tidak dan ada pula sedihnya, kadang-kala Persatuan Pengguna mengambil kesempatan pula daripada segala isu-isu yang dikemukakan. Ada kalanya Persatuan Pengguna mengisukan sesuatu isu ada pula tujuan politik di belakangnya. Ini juga sesuatu yang tidak sincere, dengan izin, tidak ikhlas, maka mangsanya, pengguna juga.

Ada pernah satu peristiwa di mana Persatuan Pengguna membuat satu statement, kenyataan, "Ini sebenarnya tidak boleh dikeluarkan, mengandungi kuman dan lain-lain". Tetapi apabila dibuat kajian oleh pihak Kerajaan, umpamanya Bahagian Kesihatan, didapati tidak benar seperti yang didakwa. Ini ertinya mungkin mempunyai unsur-unsur

perniagaan atau keuntungan yang halus atau ada pula tipu muslihat yang halus di belakangnya.

Kita mahu Persatuan Pengguna yang jujur dan ikhlas, mahir dan peka. Mahir menilai, mahir memberikan penentuan dan fatwa-fatwa, mahir mengembangkan kefahaman-kefahaman dan pengetahuan-pengetahuan pada orang ramai bahawa ini memang tidak elok, ini elok, ini sakitnya, ini tidak betul. Jadi dengan ini rakyat terbimbing dan mintalah kepada Kementerian berkenaan dan kepada pihak-pihak mass media kita, dalam mencari keuntungan dari ruang-ruang iklan dalam hendak menentukan sumber-sumber kewangan di televisyen, umpamanya, kerana itu disebut sebagai satu sumber kewangan yang trust dan perlu. Janganlah sampai menidak dan mengeciwakan hak-hak rakyat yang dinaungi oleh Tuanku seperti dalam Titah Ucapannya.

Hendaknya biarlah Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai Kementerian yang telah diwujudkan ini berfungsi dengan baiknya dan mencapai matlamatnya, tidaklah ianya bermusim-musim. Musim Menteri membuat ceramah atau menggesa ataupun ada briefing dibuat, maka berjalanlan kerja itu. Musim dekat-dekat pilihanraya, musim dekat lawatan-lawatan umpamanya, atau ada boss-boss yang barangkali hendak menengok prestasi-prestasi kerja, jadi bermusim-musim, Tuan Yang di-Pertua. Biarlah ia jangan bermusim sebab rakyat tidak suka dengan keadaan yang bermusim-musim. Kita bimbang kalau kita berbuat begitu, nanti rakyat juga berfikir dengan cara yang bermusim-musim.

Jadi sesuai dengan niat baik kita hendak membimbing rakyat ini menjadi rakyat yang berkualiti, rakyat yang berperibadi teguh, rakyat yang amanah, cekap dan ikhlas dan rakyat yang mahu mengambil

iktibar daripada penerapan nilai-nilai Islam dikelolakan, dikendalikan, ditunjukkan dahulu oleh Kementerian-kementerian yang berkaitan dalam Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya menyentuh, saya mohon maaf kerana mengambil masa yang panjang sedikit dalam menyentuh atau membahaskan Titah Ucapan Diraja, mohon maaf kepada kawan-kawan yang menunggu, mungkin giliran Yang Berhormat-Yang Berhormat pada esok hari.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin disentuh dalam Titah Ucapan Diraja ini ialah mengenai perkara Dasar Wanita Negara yang telahpun dibawah ke Parlimen, yang telahpun digubal dan yang telahpun disebarkan dengan tujuan untuk mengintegrasikan sumbangan wanita dari segi sosial, ekonomi, politik dalam proses pembangunan negara. Wanita menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas ingatan Duli Tuanku kepada jantina yang bernama wanita.

Sesungguhnya di negara kita wanita telah lama diberi perhatian yang baik, saksama dan diberikan peluang-peluang yang hampir-hampir sama dengan pihak lelaki, diperjuangkan oleh wanita UMNO dengan bangganya kami mendabik dada bahawa itu perjuangan wanita UMNO, diperjuangkan oleh wanita-wanita lain bangsa yang menyokong perjuangan UMNO di Malaysia ini, maka kita telah dapat mencapai satu tahap yang agak baik Tuan Yang di-Pertua, agak baik belum baik. Jadi, kita harap melalui dasar yang telah diestablishkan ini, yang sekarang iai diletakkan di bawah Kementerian Dato' Napsiah iaitu Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, satu

bahagian yang dinamakan HAWA akan dapat benar-benar menepati visi Kerajaan yang dititahkan oleh Tuanku, visi Perdana Menteri kita yang kita kasihi yang sentiasa mengambil berat mengenai martabat, mengenai untung nasib, mengenai hak-hak dan prestasi wanita. Yang telah lalu kita tidak nafikan HAWA berjalan dengan baik.

Tetapi Hawa. kadang-kadang berjalan bersama-sama dengan Adam dan banyaklah perkara-perkara yang perlu dibuat oleh Hawa diambil alih oleh Adam. Maka tentulah Adam tidak begitu mengetahui untung nasib....

Tuan Adam bin Kadir: Terima kasih.

Paan Ainon binti Ariffin: ...atau kehendak atau hak-hak Hawa .
Maaf, Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan Adam ialah orang lelaki, [Ketawa] yang saya maksudkan Hawa ialah orang perempuan. Jadi dua jenis jantina yang Allah jadikan ini tidak dinafikan mesti bantu-membantu. Mesti selalu sahaja bertolak ansur. Mesti selalu bersama baru datangkan zuriat dengan yang dihalalkan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita

Taan Azman Atar bin Othman: [Bangun]

Tuan Adam bin Kadir: Dia minta laluan boleh atau tidak?

Paan Ainon binti Ariffin: Boleh.

Tuan Azman Atar bin Othman: Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Puan Ainon menyebutkan tadi tidak mesti bertolak ansur. Apa selama ini Adam dan Hawa tidak bertolak ansurkah? Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat .

Tuan Adam bin Kadir: Saya ingat tidak payah jawablah, Itu sudah ada jawapannya sendiri .

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat rakan saya salah dengar. Saya kata tadi Adam dan Hawa selalu bertolak ansur, bukan tidak bertolak ansur. Terima kasih atas pandangan kerana beliau meneliti ucapan saya .

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Hawa lagi sekali. Biarlah Hawa ini benar-benar sampai ke grassroot, tidak hanya di peringkat bandar, di peringkat pekan, di peringkat hanya satu perkara yang berguna untuk laporan sahaja. Untuk taklimat-taklimat dan untuk dipamerkan sebagai satu kerja yang telah disiapkan. Tetapi tidak jejak di bumi nyata. Kita mahu wanita-wanita di luar bandar itu diberikan perhatian yang betul-betul bermakna perhatian. Dalam-sosio-ekonominya, dalam pembangunannya, dalam hal ehwal pembelajarannya dan dalam politiknya. Kerana kita tahu dari sosio-politik pun wanita-wanita kita kebanyakannya belum lagi mendapat faedah yang menyeluruh.

Saya tidak mahu menyentuh lebih lanjut hanyasanya biarlah ada lagi perimbangan-perimbangan wajar terhadap prestasi wanita. Dan kalau diberi peluang, Tuan Yang di-Pertua, cemerlang. Pangkat-pangkat, jawatan-jawatan, post politik, non-politik, cikgu-cikgu, orang-orang KEMAS; sila hidupkan kembali, Tuan Yang di-Pertua. Cadangan saya, sila hidupkan kembali Pembantu Pemaju Masyarakat yang di dalam KEMAS yang baru-baru ini dibekukan kerana khabarnya kurang peruntukan. Peruntukan mengikut budget daripada Dato' Paduka, The King of Money in Malaysia, dengan izin, telahpun memberikan peruntukan-peruntukan yang wajar dan peruntukan yang melegakan. Jadi kita perlu dengan pemimpin-pemimpin tempatan **ini**, mereka tidak akan boleh dibiarkan berkorban menjadi pemimpin-pemimpin dengan air liur basi sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Negara kita sudah stabil ekonominya, Beri mereka sedikit imbuhan untuk mereka memimpin rakyat di luar bandar. Kita dapati KEMAS telah menjalankan kerja dengan baik. Jabatan Penerangan [Bahagian Khas]

telah mendatangkan keuntungan-keuntungan dari segi politiknya dan daripada segi sosio-ekonominya di pendalaman. Ada lagi penggerak-penggerak masyarakat di luar bandar maksud saya luar bandar satu bab, pendalaman satu bab. Luar bandar - Datuk Keramat atas sudah masuk luar bandar. Kelang sudah masuk luar bandar. Dan kalau pendalaman, itu Kuala Tembeling, Changkat Jering; di Belum, Gerik dan lain-lain. Jadi ada pemimpin-pemimpin. Tetapi jangan kita cendeker sangat, Tuan Yang di-Pertua. Melalui Hawa atau melalui pembangunan luar bandar atau apa sahaja cara-cara yang boleh kita unjurkan [unjurkan dalam Bahasa Malaysia), yang boleh kita salurkan peruntukan-peruntukan ini dengan baiknya tanpa mengira bangsa, tanpa mengira kaum asal sahaja mereka wanita dan warganegara Malaysia. Kerana kita mahu pembinaan, kita mahu pembelaan yang saksama. Dan kita sudah jemu dengan puji-pujian. Kita sudah rasa tidak lagi terdaya menerima laporan-laporan tebal begini-begini, tetapi apabila disiasat di akar umbinya masih banyak problem-problemnya. Masih ada yang belum menerima hak-haknya dan masih ada lagi yang ketinggalan daripada menerima perkembangan-perkembangan yang telah Kerajaan wujudkan **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, bukan salah dari Kerajaan. Bukan salah dari dasar. Yang saya ingin kemukakan perlaksanaan. Mintalah saya kepada Jabatan, Ketua Pengarah-Ketua Pengarah dan kakitangan sekalian. Mintalah saya kepada mereka yang bertanggungjawab dengan kerja-kerja ini. Bekerjalah dengan jujur dan ikhlas. Bersungguh-sungguhlah menjalankan tanggungjawab dan sampaikan amanah itu kepada yang hak yang telah ditentukan oleh Kerajaan, oleh perjuangan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Diraja mengenai pendidikan. Cantik sekali Titah Baginda mengenai dasar pendidikan negara kita ini. Titah Beginda, "Kerajaan Beta sentiasa berusaha melaksanakan perubahan-perubahan untuk meningkat dan memperkukuhkan lagi mutu pendidikan supaya dapat melahirkan rakyat yang setia, bertanggungjawab, berbakti dan berperibadi mulia selaras dengan Pelan Induk Perindustrian."

Titah Beginda ini mengandungi makna yang sangat dalam dan merupakan satu tanggungjawab besar Kerajaan dan merupakan juga satu tanggungjawab besar kepada rakyat yang menyambut usaha-usaha Kerajaan.

Kementerian Pendidikan yang menjadi Menterinya adinda saya Yang Berhormat Dato' Seri Anwar yang handsome dan disenangi telahpun membuat berbagai-bagai tindakan, telah juga membuat berbagai-bagai usaha. Dan telah menentukan berbagai-bagai dasar. Dan dalam pendidikan ini telahpun disembarkan melalui Aktanya, melalui perlaksanaanya bahawa pendidikan negara kita ini didasarkan kepada memberikan pelajaran, pengetahuan kepada rakyat yang adil dan saksama supaya dapat menelurkan menghasilkan rakyat-rakyat yang berfikiran dinamis, yang bertanggungjawab, berdisiplin, yang kasihkan negaranya, yang tahu mengenang budi. Yang Berhormat Tuan Azman punya petua ini selalu disebutkan "yang tahu mengenang budi", yang pandai menerima budi dan yang faham akan sejarah datuk-nenek moyangnya dan negaranya selain daripada ingin menguatkan daya tahan, daya juang, daya saing, hemah supaya di suatu ketika 10 tahun, 20 tahun akan datang tidak lagi negara kita dikenali sebagai negara yang ramai penagih dadah, yang ramai penjenayah-penjenayah, yang suka membuat kerja-kerja yang ganas dan liar. Tidak lagi nanti negara kita ini dikenali ramai pula timbulnya penjenayah-penjenayah

kolar putih, penipuan di bawah meja, atas meja BMF contohnya. Dan tidak lagi ada mereka yang bertaraf antarabangsa yang boleh menipu Bank Negara yang dikontrol oleh beberapa kakitangan yang berpelajaran tinggi. Yang dikontrol oleh beberapa kakitangan-kakitangan yang berwaspada. Kalau tengok dia punya guard-guard pun kita seram hendak masuk dekat Bank itu tetapi berjuta-juta boleh disalurkan oleh mereka yang telah tertarik dan telah terdorong oleh satu penyakit iaitu membuat kesalahan-kesalahan melalui panggilan jenayah kolar putih, supaya ini kita dapat redakan.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin juga dasar pendidikan yang telahpun dibentangkan ini akan dapat meredakan ataupun kalau boleh menghapuskan kejadian-kejadian kekejaman yang tidak berperikemanusiaan seperti penyiksaan terhadap kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, saya orangnya yang paling-paling sedih, geram, panas hati dengan kejadian yang baru sahaja disiarkan oleh semua suratkhbar kita dua beradik di Terengganu. Sebelumnya kita mendengar cerita Balasundram. Banyak ibu yang menangis, banyak bapa yang merintih, banyak orang yang meradang dan geram. Tidak sampai empat-lima bulan dikeluarkan undang-undang, dikeluarkan amaran-amaran, diusahakan berbagai-bagai cara hendak meredakannya, hendak membuat beberapa sebaran, hendak membuat beberapa pendidikan-pendidikan formal, tidak formal mengenai perkara ini; berlaku lagi di Terengganu.

Kalau dahulu di kalangan orang India, kali ini di kalangan orang yang menganut agama Islam, Tuan Yang di-Pertua. Termenung Tuan Yang di-Pertua memikirkannya. Dari kalangan orang-orang Islam yang sesungguhnya ajaran agama kita berteraskan kepada kasih sayang, amanah kepada unsur-unsur yang suci dan mulia, tetapi ianya berlaku di depan mata kita. Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Pergerakan Pemuda UMNO di dalam Perhimpunan Agung UMNO baru lalu.

Usul ini tidak berkumpulan, tidak berpuak, tetapi usul yang berperingkat nasional dan tidak juga berunsur perkauman atau lain, iaitu meminta Kerajaan memberikan peruntukan khas kepada sekolah-sekolah agama, terutama agama Islam yang menjadi agama rasmi daripada pra-sekolahnya, hingga sampai kepada sekolah menengahnya, atasnya, diberikan peruntukan secukupnya dengan kurikulum-kurikulum yang diatur baik, yang diseimbangkan di antara 'spiritual' dengan 'material', yang diimbangkan oleh rohaniah, dengan jasmaniah -dan mengandungi beberapa teknologi canggih, kata-kata barunya supaya mereka yang dikeluarkan dari sekolah agama rakyat ini juga kental fikirannya, matang pemikirannya, boleh diserapkan di swasta, boleh diserapkan di Jabatan Kerajaan, boleh diserapkan menjadi pendakwah yang bermutu tinggi dan boleh menjadi rakyat yang berperibadi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat satu kata pepatah bahawa negara kita dalam keadaan yang kian mencabar ini tidak dinafikan dalam pembangunan kita yang begitu stabil dan begitu menggembirakan

semua rakyat yang telah dikenali oleh dunia pembangunan dari segi perekonomian dan sosialnya maka di sebalik pembangunan pesat ini, mengalir juga kejadian-kejadian mungkar, mengalir juga beberapa elemen-elemen yang tidak sihat di dalamnya. Betapa tidak Tuan Yang di-Pertua, buka sahaja TV kalau dilihat rancangan televisyen kita sendiri belum lagi kalau kita dapat daripada Thailand atau daripada Singapura kalau duduk di Johor dan juga di Kedah, maka kita akan dapat lihat sendiri beberapa pendekatan-pendekatan mungkar di dalamnya. Umpamanya, rancangan-rancangan hiburan yang pernah kita cakap berkali-kali. Saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, ke mana perginya etika-etika yang telah dibentuk, yang telah disusun, yang di'establish'kan oleh Menteri Penerangan, Dato' Mat Bulat kita, sebelumnya Menteri-menteri lain, hilang ke mana etika ini? Saya kurang arif hingga ini ada etika-etika ini telah dilanggar, terutamanya siaran hiburan oleh TV3.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli Yang Berhormat, saya tidak tahu siapakah Menteri yang bernama Mat Bulat ini?

Puan Ainon binti Ariffin: Maaf saya, Tuan Yang di-Pertua, Dato' Mohamed bin Rahmat.....

Tuan Adam bin Kadir: Terima kasih.

Puan Ainon binti Ariffin: Oleh kerana beliau ini mukanya bulat, handsome, iaitu wajah orang Melayu kita, maka ada orang yang menggelarkannya sebagai gelaran istimewa. Walau macamapun, saya tarik balik. Sebenarnya, tidaklah begitu adil saya menyebut nama begitu. Sebenarnya, Menteri ini bernama Dato' Mohamed bin Rahmat, sentiasa sahaja membawa rahmat kepada media-media penerangan, media-media massa yang ada dalam negara kita ini. Saya tidak

menyalahkan Menteri-menteri, etika ini ke mana hilangnya? Kadang-kadang dilanggar sedikit, kadang-kadang dilanggar banyak, kadang-kadang dengan bulldozer dilanggar pula. Ada siaran hiburan, pakaian wanita-wanita yang menari menampakkan peha, menampakkan separuh daripada dada dan kemudian menari dengan ghairahnya, maka saya rasa etika itu telah dilanggar dengan bulldozer. Apa tindakan? Menteri Dato' Mohamed bin Rahmat tolong jawab atau wakilnya yang ada dalam Dewan ini tolong jawab. Jangan menafikan Yang Berhormat, jangan menjawab kerana hendak melepaskan perasaan yang kurang senang mendengar kritik yang membina, tetapi tolong beri jawapan yang betul-betul konkrit macam mana hendak buat, macam mana hendak elak, macam mana hendak atur.

Ingatlah, kalau mass-media kita sendiri yang menjadi sebahagian daripada bahan pendidikan yang hampir dengan rakyat dan generasi muda tidak menentukan haluannya, sesuai dengan etika atau versi negara, apa akan jadi kepada dasar pendidikan. Pendidikan buat ini, penerangan yang ada unsur pendidikan pula sikit-sikit dilanggar dengan bulldozer, sikit-sikit langgar Akta-akta atau etika atau itu dasar, atau dasar **itu**, maksud saya dasar **itu**. Jadi bagaimana penyelarasannya nanti? Lain pula kisahnya dengan pendidikan di rumah tangga. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kata pepatah;

Berburu di padang datar,

Dapat rusa patah kaki,

Berguru kepalang ajar,

Ibarat bunga kembang tak jadi,

dan ada pula satu lagi puisi yang saya ingin katakan di Dewan ini iaitu;

Melecur bunga kecubung,

Dibakar terik sang matahari,

Melentur dari rebung,

Kalau jadi buluh tak guna lagi.

Jadi dengan niat itulah saya mengakhiri sentuhan saya mengenai pendidikan. Diharap perkara ini mendapat perhatian yang berat daripada pihak Kementerian Pendidikan.

Perkara yang kedua yang juga disebut dan telah dititahkan di dalam ucapan Titah Diraja ini ialah mengenai program-program mencegah penyakit, Kementerian Kesihatan, rawatan pesakit dan promosi kesihatan akan diperhebatkan lagi. Banyak lagi klinik kesihatan dan hospital yang baru akan diganti.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan ini apabila ada sahaja pertanyaan-pertanyaan jawab mulut, soal kesihatan ini tidak pernah dilupakan oleh penyoal-penyoal dari Yang Berhormat kita Menteri juga akan menjawab dengan fasihnya, dengan petahnya mengenai pertanyaan-pertanyaan itu, kadang-kadang jawapan itu sangat konkrit kadang-kadang melepaskan batuk di tangga kerana kita tahu kelemahan itu **ada**. Kita tahu kepincangan itu wujud, tetapi entah mengapa Tuan Yang di-Pertua, sudah merupakan satu trend kepada Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen yang datang menjawab soalan-soalan kami di Dewan **ini**. Pertama, jawapan itu ialah mempertahankan Kementeriannya. Yang kedua, tidak mahu menerima teguran dan tidak mahu menghadapi sepenuhnya, bukan semua, sepenuhnya kenyataan. Kami yang menyoal buat 'homework', Tuan Yang di-Pertua. Sekarang saya

hendak kemukakan masalah di Kementerian Kesihatan terutama yang berkaitan dengan penyakit-penyakit merbahaya khusus untuk wanita.

Tuan Yang di-Pertua, setelah kita membuat kajian, maksudnya sayalah, setelah kita buat beberapa kajian, beberapa siasatan, beberapa temuduga, maka kita dapati memang ada banyak perkara Kementerian Kesihatan perlu ambil berat, perlu bertindak segera dan perlu memberikan perhatian yang serius kepada perkembangan-perkembangan. Dahulu saya pernah bercakap mengenai mesin haemodialysis. Syukur Alhamdulillah, sekarang sudah tambah. Bercakap pula saya mengenai mesin radiotherapy, syukur Alhamdulillah, bertambah sudah dan kemudahan-kemudahan juga telahpun diwujudkan di Hospital Besar Kuala Lumpur. Saya tidak tahu bagaimana di Pulau Pinang, saya juga belum lagi meneliti apa terjadi di Kuching atau di Ipoh atau di Muar atau lain-lain tempat.

Di rumah sakit atau Hospital Besar Kuala Lumpur syukur, tahniah, terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan. Bahagian X-ray sekarang sudah okay. Dahulu, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak pergi X-ray, hendak tukar baju lindung di balik-balik kerusi-kerusi buruk 'no room', 'no special room for changing', dengan izin. Tidak ada tempat hendak tukar baju yang sempurna, lindung balik-balik kerusi-kerusi buruk itu, 'pakai baju', 'ambil X-ray. Mesin X-ray pun sudah bunyi krek, krek begini. Ini dua tahun yang lalu. Syukur Alhamdulillah, berkat kita bersama-sama menganjurkannya, Menterinya yang peka, sekarang Timbalan Menteri yang ada di Kementerian Kesihatan ini, adinda saya juga, Yang Berhormat Encik Farid, seorang yang sangat peka, seorang yang sangat suka buat kerja, bersyukurlah. Begitu juga Setiausaha Parlimen yang menjawab tadi, yang menjawab soalan tadi saya tengok dari jawapannya, beliau juga seorang yang rajin bekerja, Menterinya, insya Allah kita harap perkara ini diambil perhatian.

Perkara-perkara yang ingin saya bawakan ialah mengenai penyakit-penyakit yang selalu menghinggap kaum wanita. Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara kita 51.9 rakyatnya wanita dan wanita ini adalah merupakan factory utama mengembangkan zuriat. Penyakit yang selalu menghinggap wanita ialah di tempat-tempat produktiviti ini berjalan atau sebagai satu perkilangan, kalau boleh dikatakan begitu yang paling produktif. Penyakit yang selalu dihinggapi oleh wanita setelah dibuat kajian penyakit ini, kalau ada 100 wanita yang berumur 30 tahun ke atas maka 35 orang ada penyakit ini pada mereka sama ada disedari atau tidak disedari. Penyakit itu bernama cancer cervix atau cancer ovary. Penyakit-penyakit yang berbentuk kanser ringan, kanser berat kepada rahim wanita atau organ-organ sulit wanita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat terkejut apabila saya meneliti perkara ini disebabkan ramai sahabat-sahabat saya yang mengidap penyakit ini termasuk ibu saya sedang menderita di hospital. Bahawa sehingga kini hospital kita hanya mempunyai dua orang cytophatologist. Ini perkataan dalam bentuk terma medical. Dua sahaja cytophatologist yang berpengalaman yang hendak menjaga beribu-ribu pesakit.

Di General Hospital sahaja satu tahun 100 kes serius didaftarkan. Antara 100 kes ini didapati 65% darinya sudah merebak ke tahap merbahaya dan sukar dibendung. Tidak dinafikan penyakit ini boleh dicegah kalau mendapat rawatan awal. Namun begitu kerana kekurangan expertise atau pakar-pakar di dalam bidang berkenaan,

kekurangan alat-alat yang diperlukan untuk meneliti, mengkaji dan untuk mengesan penyakit berkenaan. Kekurangan pengetahuan di kalangan wanita-wanita di seluruh Malaysia, termasuk di dalam Dewan ini, atas penyakit ini, public awareness yang begitu lemah dan tidak berjalan dengan begitu baik menyebabkan peningkatan penyakit ini kian menular. Sehingga ini sudah mencapai tahap yang merbahaya.

Diharap wakil daripada Kementerian Kesihatan akan dapat menerima percakapan saya ini dengan rasa ikhlas. Tolong jangan nafi. Saya ada semua photostat copy. Saya ada semua data-data yang berkenaan. Jadi, harap jangan dikatakan tidak tepat atau lain-lain. Saya buat kajian, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya hendak cakap saya ini didengar, kalau elok diambil tindakan. Bukan sekadar kami bercakap seperti orang jual ubat di Chow Kit Road. Saya dapati kalau Senator-Senator bercakap tiada ramai yang ambil perhatian. Maaflah saya perkatakan. Menteri tiada, Timbalan Menteri juga tiada, Setiausaha Parlimen pun tiada. Yang ada pegawai-pegawai dari Kementerian berkenaan. Kalau pegawai-pegawai ini peka, bijak semuanya bijak saya faham, maka sampailah apa yang kami kata itu kepada yang berkenaan.

Sebab, Tuan Yang di-Pertua, kami ini meneliti dari jawapan. Kadang-kadang dari jawapan yang berkenaan tidak sentuh apa yang kita cakap. Walau pun benda itu penting, serius dan perlu diambil tindakan. Maka jawapannya, dia hendak lindung segala-galanya. Ini sentuhan membina. Maka katanya begini: "Maka saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai Kementerian saya, beberapa perkara yang saya tidak dapat

sentuh pada ketika ini tetapi Kementerian saya berjanji akan mengambil tindakan dan akan memberi perhatian berat kepada semua perkara-perkara yang telah dikemukakan." Lepas itu tutup buku, hilang bicara. Tiada susulan, tiada follow-up.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apakah Dewan Senate ini cakap-cakapnya yang hendak didengar ialah lulus! - atau komen-komen kami yang kadang-kadang membina. Saya kembali memetik pendapat seorang wartawan mengenai hujah-hujah kami di Dewan. Katanya tidak berisi, tidak bermakna, titik bengik dan tidak ada satupun yang boleh dijadikan berita untuk disiarkan. Lailaha-illallah! sebagai orang Islam, Muhammadar-rasululullah. Maka biarlah Tuan Yang di-Pertua sahaja, kawan-kawan yang ada di Dewan ini yang memberikan nilai yang wajar kepada apa yang diperkatakan.

Kembali saya kepada masalah cancer cervix ini. Kita mengucapkan tahniah kepada Persatuan Pathologists di mana mereka ini dengan usaha gigihnya walaupun tidak ada duit tapi niatnya, hasratnya berkembanglah membuat berbagai-bagai penjelasan melalui forum terbuka, forum umum, ceramah-ceramah singkat, kadang-kala dapatlah sedikit siaran di dalam TV, kadang-kadang ada sedikit di dalam radio, adalah sikit-sikit, kecil-kecil soal-jawab di dalam suratkhbar mengenai perkara berkenaan.

Saya mengucapkan tahniah kepada antara pemimpin wanita kami iaitu Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail yang sangat mengambil berat tentang perkara ini kerana katanya kalau 65% itu mati di dalam usianya 45 tahun alangkah ruginya negara ini. Kalau yang mati itu pula terdiri dari kalangan profesor-profesor atau handalan-handalan

atau rakyat yang taat setia - yang tidak taat setia tak tahulah - yang memberikan jasa kepada perkembangan negara - bagaimana. Kalau ini dibiarkan berlarutan apakah yang akan terjadi.

Penyakit ini telah dikesan sejak tahun 1958. Selepas 32 tahun kemudian didapati penyakit ini sama sahaja risikonya, sama sahaja bilangan atau peratusan peningkatannya, ertinya tidak menurun malahan meningkat. Maka oleh sebab itu saya merayu kepada Kementerian Kesihatan, tolong beri peruntukan khas kepada bahagian cytopatology, bahagian penyakit-penyakit yang berkaitan dengan kanser, tidak usahlah wanita sahaja, nanti saya bias pula kerana saya wanita, biarlah semua kanser.

Ahli-ahli Yang Berhormat kalau pergi melawat wad kanser akan merasa gerun melihat betapa pedih, seksanya keluarga kita mungkin, sahabat kita mungkin, semua kaum yang ada di wad itu menunggu mautnya dengan seksa kerana tidak ada ubat yang boleh menyembuhkan (cure) penyakit ini sebab sudah sampai kepada tahap yang tidak boleh dikawal. Didapati beratus-ratus kes berlaku di dalam masa enam bulan - kematian. Jadi, mintalah peruntukan diberikan kepada bahagian ini. Mintalah pencegahan peringkat awalan ini diusahakan bersungguh-sungguh. Dan minta juga persatuan-persatuan mengambil berat menolong menyebarkan, memberikan pengetahuan am ataupun public awareness ini di kalangan wanita-wanita. Mintalah TV beri ruang sedikit untuk keadaan **ini**. Pihak Persatuan ini bersedia memberi kerjasama. Minta media cetak, media elektronik, minta juga pemimpin-pemimpin, terutama wanita, HAWA umpamanya, mengembangkan perkara-perkara yang membawa kepada ancaman-ancaman yang seakan-akan sama jaga dengan ancaman dadah kerana ia memusnahkan organ-organ yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan pergi kepada Kementerian yang lain pula yang juga ada disentuh di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu mengenai perkembangan politik semasa, bukan negeri Kelantan sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Perkembangan, pertelagahan politik semasa di negara kita ini iaitu tindak-tanduk parti Pembangkang yang kerana inginkan kemenangan merebut kuasa lalu melanggar banyak Akta Hasutan. DAP umpamanya, PAS dan Semangat 46. DAP terang-terang menuduh Perdana Menteri kita komunis. Terang-terang menuduh kita makan rasuah, terang-terang mempersenda-sendakan peribadi pemimpin-pemimpin negara, terang-terang menghasut supaya orang-orang Cina bencikan orang Melayu, bencikan Kerajaan dan berbagai-bagai lagi. Akta ini telah dilanggar seperti Etika di Kementerian Penerangan, Akta ini teruk lagi - bukan dengan bulldozer tetapi dengan lagi besar jentera itu dilanggar. Apa tindakan, Tuan Yang di-Pertua?.

Apa guna Akta ini wujud, apa guna ianya diwujudkan kalau ianya tidak berfungsi? Saya sangat hairan bin ajaib, di dalam Parlimen orang cakap apa pun tidak apalah kerana ini adalah kawasan bebas, kawasan di luar larangan. Bagaimana mereka bercakap di dalam ceramah-ceramah depan orang ramai, kemudian didabek dada. Ah! tengok, ini saya cakap. Ini percakapan saya ini menyentuh Akta Hasutan. Perkara ini dan ini. Sekarang saya mahu bercabar. Itu polis ada dekat luar. Bolehkah tangkap saya. Berlaku di Pulau Pinang, saya pernah mendengarnya. Langkah mayat saya dahulu kalau ugama Islam hendak dijadikan agama rasmi. Kata seorang daripada DAP. Ini sudah menyentuh, bukan menyentuh lagi mengetuk-getuk.

Tuan Yang di-Pertua, di manakah fungsi undang-undang ini, mengapa kita ini terlalu berlemah-lembut? Kita bimbang sikap liberal kita, sikap perikemanusiaan yang terlalu tinggi ini akan menyebabkan negara kita menjadi Columbia di satu ketika nanti atau akan menjadi negara-negara lain yang berperang secara militant kerana sudah tidak dapat dikontrol lagi. Api sudah merebak, kecil kawan besar ianya lawan.

Kemudian PAS pula, mengeluarkan fatwa-fatwa, pelbagai fatwa, entah daripada mana datang fatwa-fatwa ini kita pun tidak tahu. Wanita tidak boleh itu, wanita tidak boleh ini, yang ini haram, yang ini haram menyalahgunakan ayat-ayat Quran. Apa kerja yang dibuat oleh Majlis Fatwa Kebangsaan? Kenapa terlalu sunyi-senyap? Kenapa mereka ini terlalu meneliti, hendak mengeluarkan fatwa lapan bulan, enam bulan mesyuarat, 10 kali fatwa tidak keluar juga. Mengapa begini jadinya? Sebenarnya, apa yang telah berlaku ini? Kami

berasa wanita terutamanya selalu senak dada, hendak dengar apa fatwa Majlis Kebangsaan mengenai demi penindasan terhadap hak-hak wanita yang dibuat oleh PAS. Bukan Kelantan sahaja, di seluruh negara pun macam itu. Tak keluar, senyap dan sunyi.

Keluar lagi ayat-ayat Quran yang diselewengkan, yang disalahgunakan, Majlis Agama Islam Negeri, yang dekat sekali, senyap dan sunyi. Keluar lagi perkara-perkara yang berkaitan dengan agama yang terang-terang dinodai kesuciannya, Majlis Fatwa kita senyap dan sunyi. Apakah ini etika yang ada kepada mereka?

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi sikap Semangat 46. Mereka juga terlalu banyak melanggar akta-akta. Dan nampaknya kita telahpun membuat beberapa unjuran-unjuran supaya Kerajaan dapat bertindak dengan seadil-adilnya melindungi rakyat jelata, Bukan kepentingan politik BN sahaja. Tidak! Tetapi kita bimbang kalau rakyat telah diracuni fikirannya. Dan kalau sudah banyak pelampau-pelampau, pelampau dalam kalangan agama, pelampau dalam kalangan politician, pelampau dalam kalangan sekolah, pelampau dalam tentera - nauzubillah - jangan menyakit ke sana - pelampau di sana, pelampau di sini. Besok kalau sudah teruk keadaannya seperti kanser tadi, tahap 65, 75 susah hendak dicontrol. Susah lagi kita hendak control. Ini sikap toleransi yang tinggi, demokrasi yang tidak berjejas, demokrasi yang terlalu terbuka **ini**, saya rasa kadang-kadang membawa merbahaya kepada jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, hujah-hujah saya tadi adalah dikeluarkan dengan rasa ikhlas melalui pengalaman dan melalui ujian, melalui kajian-kajian sedikit banyak yang kita telah buat dan kemudian kita amat bimbang kepada akibat-akibatnya.

Mengenai eksploitasi agama, saya menyentuh lagi masalah sebuah persatuan yang masih lagi belum dapat kita menyekatnya daripada berleluasa mengeksploitasikan wanita melalui kaburan-kaburan al-Quranulkariim iaitu Darul Arqam. Saya tidak akan berhenti bercakap mengenai fungsi-fungsi Al-Arqam yang masih saya rasa boleh menjadikan jejasan kepada kestabilan beragama, kestabilan dari segi perkembangan pemikiran dan tahap wanita di negara kita ini. Saya tidak menyentuh panjang tentang perkara ini kerana ianya dalam makluman Kerajaan, dalam makluman Pusat Islam dan dalam makluman semua ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Fatwa kita dan juga dalam makluman-makluman Kementerian Dalam Negeri. Hanya saya iagin menyatakan sedikit kekesalan saya tentang jawapan daripada Timbalan Menteri pagi tadi mengenai soalan yang berkaitan dengan Jabatan Pembangunan Pusat yang ditubuhkan. Seolah-olahnya pejelasan itu ingin mengcover barangkali, ingin menutupi.

Tuan Adam bin Kadir: Jabatan apa itu?

Puan Ainon binti Ariffin: Satu Jabatan telah ditubuhkan untuk menyelaraskan peruntukan-peruntukan Pusat ke Negeri yang diperintah oleh Pembangkang. Jabatan itu dinamakan Jabatan Pembangunan Pusat. Jabatan itu baik, Tuan Yang di-Pertua. Fungsinya kita harap akan selaras dengan visi negara, kehendak rakyat yang taatsetia iaitu menbendung daripada pelampau-pelampau maharajarela. Yang saya kesal jawapan Timbalan Menteri, seolah-olahnya tidak peka dengan fungsi Jabatan itu. Itu yang saya kesal. Bukan kesal kepada dasarnya. Dasar baik, Tuan Yang di-Pertua.

Perdana Menteri kita bijaksana. Dia seorang doktor tetapi juga sorang loyar. Beliau juga boleh dikenali sebagai seorang hakim yang adil dan saksama dan memahami visi rakyat. Yang saya kesal jawapan

Timbalan Menteri yang seolah-olahnya kurang memahami visi rakyat yang taatsetia kepada Kerajaan dan dengan penubuhan Jabatan Pembangunan Pusat ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, sekali lagi saya marafakkan sembah menyampai rasa takzim dan menjunjung kasih terhadap Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian.

Tuan Adam bin Kadir: Sila, Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King.

6.27 ptg.

Tuan Tiong Hiew King: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan penuh hormat takzimnya ingin bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong turut menyokong dan mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kepada kebawah Duli kerana Titah Ucapan kebawah Duli pada masa merasmikan Parlimen baru-baru ini. Titah Ucapan kebawah Duli mencakupi segala aspek, baik mengenai perkembangan politik dan ekonomi dalam negeri atau antara-bangsa. Mahupun kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai dalam bidang-bidang itu.

Selain itu kebawah Duli juga menyentuh dasar-dasar atau langkah-langkah yang sedang dan akan terus diambil, dilaksanakan serta diusahakan. Ini untuk menjamin pertumbuhan ekonomi jangka panjang dan kestabilan negara. Ini untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan memperkukuhkan lagi perpaduan rakyat dalam usaha mencapai keamanan, kestabilan dan kemakmuran rakyat yang berbilang kaum dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, Pilihanraya Umum baru lepas. Syukurlah Barisan Nasional telah berjaya memperolehi kemenangan cemerlang di Pilihanraya Parlimen mahupun di Pilihanraya Negeri dan kembali memegang semula teraju pemerintahan. Dalam Pilihanraya Umum **ini**, pihak Pembangkang telah menjerit-jerit sekuatnya. Angin sakal, angin berhorok yakni angin anti-Barisan Nasional yang hebat di seluruh pelosok negara. Mereka berusaha sedaya-upaya menimbulkan sentimen pengundi-pengundi untuk membantah Barisan Nasional. Walaupun menghadapi cabaran sehebat itu, Barisan Nasional, pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telahpun memperlihatkan kekuatan dan daya melentingnya.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, saya rasa ucapan Yang Berhormat panjang lagi. Jadi, kita sambung besok.

Tuan Tiong Hiew King: Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah 6.30 petang dan Dewan ditangguhkan pada hari esok, 18hb Disember, 1990, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

